

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid II Bil. 27 Hari Selasa 17hb. Disember 1996

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)
(Pindaan) 1996

(Ruangan 40)

Rang Undang-undang Pecen Pihak-Pihak Berkuasa
Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996

(Ruangan 71)

bersambung...

...sambungan

Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen
Harta-Tanah (Pindaan) 1996 (Ruangan 110)

Rang Undang-undang Keselamatan Sosial
Pekerja (Pindaan) 1996 (Ruangan 160)

USUL:

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 76)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggali Yang Kedua
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

“ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)

“ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi
(Dilantik)

“ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

“ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)

“ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)

“ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)

“ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)

“ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)

“ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S.
(Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)

“ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)

“ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K.

(Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 17hb. Disember, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan dari Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya Jemput Setiausaha membacakan Perutusan sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“16 Disember, 1996,

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Agen Harta Tanah (Pindaan) 1996;

2. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996;
3. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 1996;
4. Rang Undang-undang Kewangan No. 2, 1996;
5. Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996;
6. Rang Undang-undang Perbadanan Synod Diocese Malaysia Barat (Pindaan) 1996;
7. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1996.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Agen Harta Tanah (Pindaan) 1996;
2. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1996;
3. Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 1996;
4. Rang Undang-undang Kewangan No. 2, 1996;

5. Rang Undang-undang Laporan Kewangan 1996;
6. Rang Undang-undang Perbadanan Synod Diocese Malaysia Barat (Pindaan) 1996;
7. Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DAN MEROKOK KETIKA
MEMANDU - MENGETATKAN PERATURAN**

1. **Datuk Rahim bin Baba** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:
 - (a) sejak undang-undang mengharamkan penggunaan telefon bimbit ketika memandu dilaksanakan, berapakah saman yang telah dikeluarkan; dan
 - (b) memandangkan perbuatan merokok ketika memandu juga boleh menjejaskan tumpuan seseorang sepertimana juga menggunakan telefon bimbit, adakah pihak kementerian akan membuat peraturan bahawa merokok semasa memandu sebagai satu kesalahan jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor

Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semenjak perundangan melarang mengguna telefon bimbit ketika memandu dikuatkuasa pada 12hb. Ogos, 1996, sebanyak 472 saman telah pun dikeluarkan sehingga 30hb. September, 1996, iaitu tahun ini.
- (b) Kementerian Pengangkutan sedang meneliti pandangan supaya merokok ketika memandu dijadikan sebagai satu

kesalahan jalan raya kerana ianya dianggap boleh menjejaskan tumpuan seseorang pemandu ketika memandu kenderaan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai saman JPJ dan pihak polis. Baru-baru ini mahkamah di Seremban telah pun memutuskan bahawa JPJ tidak mempunyai kuasa untuk menahan seseorang daripada memperbaharui road-tax ataupun cukai jalan jika ada kes-kes polis yang tertangguh. Jadi, bagaimanakah kedudukan JPJ sekarang, adakah masih lagi kuat kuasa JPJ tidak mengizinkan mereka yang mempunyai kes polis daripada memperbaharui road-tax.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak kena-mengena dengan bayaran road-tax ataupun JPJ, tetapi walau bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini, iaitu mengikut perundangan yang baru dipinda pada tahun ini juga, saya percaya, Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah pun dipinda di mana salah satu peruntukan di bawah Akta ini telah dengan jelasnya menyatakan iaitu jika terdapat apa-apa urusan yang masih belum diselesaikan dengan JPJ, termasuk pihak polis, maka pihak JPJ mempunyai hak untuk menolak dan tidak memberi pertimbangan supaya pembayaran road-tax dibuat oleh pemohon, tetapi memandangkan keputusan mahkamah yang baru keluar

di Seremban, saya percaya kes yang dibicarakan di Seremban dan kes pembayaran road-tax ini kemungkinan ada perbezaan.

Kemungkinan apa yang diputuskan oleh mahkamah ialah, jika terdapat kesalahan tidak ataupun bukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan, maka JPJ tidak berhak untuk menolak permohonan untuk membayar road-tax, tetapi walau bagaimanapun, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat Datuk Rahim Baba bahawa kementerian saya akan membuat penelitian atas kes ini dan selepas ini saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cara dan kaedah yang digunakan untuk menyaman mereka yang menggunakan telefon bimbit ketika memandu untuk memastikan apabila kes dibawa ke mahkamah, pesalah dapat disabitkan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat memang cukup tepat, sebab kebanyakan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan kadangkala jika hendak dibawa ke mahkamah, kemungkinan dari segi bukti tidak mencukupi, maka ini menjadikan satu masalah.

Mengenai penggunaan telefon bimbit semasa memandu kereta, saya percaya yang baik sekali sebelum saman dikeluarkan, maka pegawai-pegawai

penguatkuasa harus menangkap pemandu berkenaan semasa beliau membuat panggilan dengan menggunakan telefon bimbit ketika beliau memandu kereta.

Selain daripada itu, memang menjadi satu masalah ataupun sebagai satu kesukaran bagi pegawai penguatkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Tetapi, selain daripada itu memang JPJ dengan kerjasama pihak polis akan mengadakan lebih banyak electronic eye, dengan izin di tepi-tepi jalan yang akan dipasang tidak lama lagi. Melalui electronic eye ini, gambar akan ditangkap semasa kesalahan ini dilakukan. Ini mungkin akan mengelakkan segala kesukaran dari segi penguatkuasaan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan merokok sekarang ini, adakah menjadi kesalahan bagi orang awam jika merokok di dalam teksi, kereta api dan bas?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tempat-tempat yang telah digazetkan oleh Kementerian Kesihatan, tempat-tempat lain termasuk merokok semasa memandu kereta tidak menjadikan satu kesalahan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Di manakah perilaku kesalahan menggunakan telefon ini banyak berlaku sama ada di bandar atau di kawasan luar bandar?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan kes mengenai penggunaan telefon bimbit

dan saman adalah berlaku di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur atau dalam bandarlah.

**PROJEK KLIA/BAKUN/PUTRA JAYA - SUMBANGAN TERHADAP
PEMBANGUNAN EKONOMI**

2. Dato' Abul Aziz bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagi menentukan ekonomi negara terus berkembang apakah projek-projek besar atau mega projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan selepas selesainya projek Kuala Lumpur International Airport (KLIA), projek Bakun, projek pembangunan kawasan Putrajaya dan juga pembinaan infrastruktur jalan raya; dan
- (b) setakat ini berapa peratuskah sumbangan mega projek ini terhadap pembangunan ekonomi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji

Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek pembangunan sama ada ianya projek bersaiz kecil, besar atau mega dibuat berasaskan penilaian terperinci mengenai daya maju dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi negara.

Buat masa sekarang kerajaan telah mengenal pasti beberapa projek besar untuk dilaksanakan yang di antaranya Lebuhraya Pantai Barat dari Banting ke Taiping; lebuhraya ke Pantai Timur; lebuhraya khusus Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang;

lebuhraya pesisiran pantai dari Banting ke Gelang Patah dan lebuhraya baru Kuala Lumpur-Kajang.

Pelaksanaan projek-projek besar ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di kawasan persekitarannya sepertimana yang telah berjaya diwujudkan oleh projek-projek pembangunan yang lain terutamanya dalam sektor yang sama seperti projek Lebuhraya Utara-Selatan.

- (b) Mega projek telah ditakrifkan sebagai projek yang memerlukan kos perbelanjaan RM2 bilion dan ke atas. Dalam tempoh 1993 hingga 1995 jumlah kos perbelanjaan projek-projek mega termasuk projek sambungan dan baru adalah sebanyak RM12 bilion. Ini merupakan 5.1% daripada jumlah pelaburan sebanyak RM233 bilion dalam tempoh tersebut.

Pelaksanaan mega projek ini memerlukan jangka masa sederhana dan panjang di antara 3 hingga 10 tahun. Dengan demikian, pelaburan pada setiap tahun purata hanya di antara RM1 bilion hingga RM1.5 bilion sahaja. Oleh itu, sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi juga diagihkan dalam jangka masa yang tertentu. Walau bagaimanapun, projek-projek tersebut adalah penting bagi menyediakan

infrastruktur yang cukup untuk membantu mengimbangi pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Sumbangan projek mega kepada pelaburan capital, imej yang lebih ketara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000. Jumlah keseluruhan kos pembangunan mega projek seperti projek pusat pentadbiran Putrajaya, Projek Lebuhraya Pantai Barat; Projek Hidroelektrik Bakun; Projek Kuala Lumpur Central dan sebagainya adalah sebanyak RM67 bilion iaitu 12.5% daripada jumlah pelaburan sebanyak RM535.6 bilion dalam tempoh tersebut.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana banyak sangat projek-projek mega terutamanya di sebelah Pantai Barat. Ini merupakan konsep yang pernah dilakukan oleh kerajaan penjajah dahulu, semuanya di Pantai Barat.

Soalan saya ini adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu talian rangkaian lebuhraya besar ini daripada Singapura-Johor Bharu sampai di Pantai Timur, Kota Bahru, Haadyai, Pataya dan sebagainya seperti yang kita buat dengan kereta api, yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jalan kereta api daripada Singapura sampai ke atas dan sampai ke negeri China? Jadi, kita mengharapkan kalau boleh pihak kerajaan bercadang membuat lebuhraya seperti lebuhraya yang banyak di Pantai Barat ini, daripada Johor Bharu ke Rompin, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bahru sehinggalah ke Golok dan sebagainya. Begitu juga dengan Sabah dan Sarawak.

Adakah pihak kerajaan ingin mewujudkan satu jalan raya besar antara Kuching atau di mana sahaja di Sarawak sampai ke hujung negeri Sabah supaya

kita dapat memandu kereta daripada Kota Bahru, Johor Bharu membawa ke Sabah terus ke Sarawak dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua: Melalui bawah laut?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Melalui jambatan.

Tuan Yang di-Pertua: Dari Johor Bharu melalui laut?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Boleh, bawah laut pun tidak apa.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, lebuh raya ke Golok-Haadyai ini memang menarik, tetapi mengikut jawapan yang telah saya beri tadi, setakat ini kerajaan belum lagi bercadang kerana kita hanya ada lebuh raya ke Pantai Timur daripada ibu negara.

Tuan Yim Chee Chong : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini negeri Kelantan adalah diperintah oleh PAS buat sementara waktu sahaja. Memandangkan PAS memerintah Kelantan, maka Kerajaan Pusat adakah apa-apa projek besar dilaksanakan di Kelantan supaya rakyat Kelantan terharu dan sedar Kerajaan Pusat sentiasa menjaga kepentingan mereka di situ? Ya, Tuan Yang di-Pertua dari Kelantan, bekas Menteri Besar Kelantan. Hari ini dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya harap semoga orang Kelantan akan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana melantik orang Kelantan menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara *[Tepuk]* Itu sahaja, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu sama ada perlantikan Tuan Yang di-Pertua ini projek besar sebenarnya. *[Ketawa]* Setakat ini, Kerajaan Pusat belum lagi ada apa-apa perancangan untuk mengadakan projek mega ataupun besar di Kelantan tetapi kita fikir pada waktu ini mereka menghadapi banyak masalah. Biar dia selesai dahulu, selepas itu insya-Allah kalau kerajaan Barisan Nasional memerintah di sana, kita boleh bincanglah untuk membuat projek besar di sana.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam merancang projek mega ini, adakah kerajaan bercadang untuk membina satu terowong di bawah laut daripada Perlis ke Langkawi, daripada Kedah ke Pulau Pinang, daripada Melaka ke Medan, Sumatera? Bagaimana kedudukan dengan projek kota di atas sungai yang disebut oleh Perdana Menteri tempoh hari dan sejauh mana manfaat projek-projek mega ini dapat dinikmati oleh bumiputera dan rakyat berpendapatan rendah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terowong ini, setakat ini belum ada lagi. Yang kita dengar bahawa kalau ada pun hubungan di antara Melaka dan Medan, ia merupakan jambatan atas laut. Jadi, bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada lagi cadangan untuk membuat terowong.

Yang keduanya berkenaan dengan projek bandar atas sungai, benda ini sudah pun diluluskan dan insya-Allah ia akan dilaksanakan. Kerajaan sentiasa memastikan supaya dalam apa-apa juga projek mega yang dilaksanakan, kepentingan bumiputera itu hendaklah diambil kira dengan memberikan keutamaan yang penting. Sebab itu, saya boleh memberikan jaminan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu kita tidak akan mengabaikan kepentingan bumiputera dalam apa-apa juga mega project yang dilaksanakan oleh kerajaan.

UBAT TRADISIONAL - KAWALAN PENJUALAN

3. **Tuan Tan Soon Lee** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk mengawal penggunaan serta penjualan ubat-ubat tradisional untuk memastikan keselamatan pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubatan tradisional yang dipasarkan dalam negara ini perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah atau PBKD yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik Tahun 1984 untuk memastikan ianya berkualiti dan selamat diguna.

Pengimport dan pengilang dikehendaki mengemukakan permohonan untuk pendaftaran mulai 1hb. Januari 1992 dan sebanyak 15,435 permohonan telah diterima. PBKD telah memproses sebanyak 6,000 permohonan. Proses pendaftaran melibatkan penilaian ke atas keselamatan dan kualiti ubat-ubat tersebut. Analisa dijalankan ke atas ubat tradisional untuk memastikan ianya tidak tercemar dari

kombinasi logam berat atau 'heavy metal', dengan izin, raksa plumbum dan arsenik mikro organisma dan juga bebas dari campuran racun-racun berjadual seperti steroid. Kandungan ubat tradisional juga dikawal supaya ianya tidak mengandungi bahan-bahan yang dilaporkan boleh menyebabkan kesan adverse.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi melalui unit penguatkuasanya sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengawasan ke atas penjualan ubat-ubat yang dikawal di bawah perundangan farmasi melalui beberapa tindakan, antaranya:

- (i) mengawal kemasukan ubat-ubatan melalui semua pintu masuk dengan menyita semua pengimportan ubat-ubatan sebelum dibenarkan untuk dipasarkan di dalam negara;
- (ii) pemantauan ubat-ubatan ini di pasaran melalui persampelan analisis untuk memastikan mutunya dan juga tidak dicemari dengan bahan-bahan yang tidak diingini; dan
- (iii) menjalankan pemeriksaan mengejut dan serbuan ke atas premis-premis yang disyaki menjual ubat-ubatan yang dicemari dari masa ke semasa sepanjang tahun;

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang lebih ramai pesakit yang percaya kepada doktor tradisional iaitu dukun, singseh dan juga bomoh. Doktor-doktor ini sentiasa mengambil kesempatan terutama sekali kepada wanita-wanita dan juga anak-anak dara, ini adalah satu masalah yang kita hadapi. Bagaimana kementerian mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Doktor-doktor tradisional, kita tidak ada kuasa untuk mengawal mereka. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sehingga kini adakah kerajaan dapat pastikan bilangan pengusaha-pengusaha ubat tradisional daripada tempatan dan juga dari luar negara? Adakah kerajaan akan membuat sesuatu untuk membantu pengusaha-pengusaha perubatan tradisional tempatan ini, di Malaysia?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab secara am dari angka yang terdapat di Kementerian Kesihatan, negara kita mengimport lebih kurang RM900 juta ubat-ubat dari luar negeri,

i.e. Western recent medicine. Di samping itu, dianggarkan lebih kurang RM2 bilion nilai ubat-ubat tradisional juga diimport dari negara luar setiap tahun.

Oleh itu, kerajaan telah melantik Institut Pendidikan Perubatan (IMR) sebagai agensi utama dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menjalankan penyelidikan dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan ubat-ubat tradisional menggunakan keistimewaan tanam-tanaman herba yang mempunyai nilai perubatan yang terdapat di negara kita.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa Unit Farmasi diberikan tugas untuk mengawal penggunaan dan penjualan ubat-ubat tradisional. Soalan saya ialah bagaimanakah kementerian dapat memastikan keberkesanan Unit Farmasi ini menjalankan tugas-tugasnya? Kerana, baru-baru ini antara lain, ini bukan ubat tradisional tetapi yang dilaporkan ialah tentang steriod yang begitu mudah diperolehi. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1995 sehingga Oktober 1996, sebanyak 588 premis telah diserbu di bawah Akta Racun Tahun 1995 dan nilai rampasan ialah sebanyak RM4.1 juta. Itu yang penting.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini dilaporkan di Kelantan, bila ubat batuk dirampas katanya bahan cordeine, dengan izin, cordeine adalah satu bahan yang di' banned', dengan izin, tetapi kalau tidak silap saya bahan cordeine ini adalah satu bahan yang dikawal, tidak di' banned', saya harap dapat penjelasan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya belum pasti perkara ini. Saya akan beri jawapan secara bertulis.

SISTEM LRT - KELANG-KUALA LUMPUR

4. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Bandar dan Pelabuhan Klang akan dihubungi dengan LRT daripada Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam selain daripada sistem pengangkutan yang ada.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan. Buat masa ini belum terdapat sebarang cadangan dari mana-mana pihak

untuk menghubungkan Bandar Klang atau Pelabuhan Klang dengan sistem LRT termasuk dari Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Shah Alam.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah jumlah kesesakan yang dapat dikurangkan sehingga hari ini setelah LRT yang ada beroperasi? Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Setiausaha Parlimen Kementerian itu, [Ketawa] tetapi walau bagaimanapun, akan beri jawapan secara bertulis.

KWSP - MENINGKATKAN KADAR CARUMAN MAJIKAN

5. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian bersedia meningkatkan kadar pencaruman majikan dengan pekerja. Misalnya, pencaruman di Singapura menjangkau lebih daripada 40%.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, KWSP tidak berhajat untuk meningkatkan kadar caruman wajib untuk majikan dan pekerja. Kadar caruman semasa, iaitu 12% untuk majikan dan 11% untuk pekerja difikirkan sesuai dan munasabah pada masa ini berdasarkan keadaan ekonomi negara.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian. Bagi mereka yang tidak memilih pencen, tetapi memilih untuk menerima KWSP sehingga masa bersara, adakah mereka ini mendapat kemudahan perubatan?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai tiga akaun. Akaun pertama ialah akaun persaraan apabila kita bersara. Akaun kedua ialah akaun perumahan, dan akaun ketiga ialah akaun perubatan. Jadi, akaun perubatan itu sudah pun termasuk di dalam rancangan KWSP.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di dalam akhbar semalam kita melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan galakan untuk menabung. Jadi, pada pendapat saya kalau kerajaan memikirkan tidak bercadang untuk meningkatkan caruman daripada pihak kerajaan dan majikan dan juga pihak pekerja itu sendiri, ini adalah bercanggah dengan galakan yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah kerajaan sanggup mengkaji semula dan meningkatkan caruman itu?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pelaburan dan juga masalah simpanan merupakan masalah yang continual. Pertamanya, kita hendak menyimpan kerana tujuan kita memastikan juga ialah untuk membuat saraan. Itulah sebabnya dahulu apabila kita beri 8%, lepas itu kita beri bonus 7.5%, masing-masing bising kerana kenapa 7.5%. Kerana masing-masing memandangkan pelaburan. Tetapi objektif utama kita ialah dari segi tabungan supaya apabila kita tua kita dapat saraan yang lumayan.

Tetapi kalau kita tengok tadi soalan Yang Berhormat Tuan Low yang mengatakan bahawa walaupun di Singapura carumannya sebanyak 40%, tetapi kadar dividen yang diberi tiap-tiap tahun cuma 2.5% sahaja. Tetapi kita walaupun rendah, kadarnya ialah 7.5%, walaupun sebagai jaminan dividen sekurang-kurangnya 2.5%, tetapi kita pergi kepada 7.5%.

Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mesti dalam menjalankan beberapa kegiatan selain daripada saraan tadi, kita juga membuat pelaburan terdiri daripada sekuriti kerajaan sebanyak 35.71%, pinjaman pun kita beri 20.12%, ekuiti kita juga beri 14% dan pasaran wang 29.8%, dan akhir sekali ialah hartanah 0.35%. Jadi, kita terpaksa mengimbangkan kehendak pencarum kerana mereka pun berkata kalau tunggu sampai bersara, ada yang meninggal sebelum bersara. Jadi, sebelum dia bersara dia kata dia hendak buat perubahan dan juga membuat rumah dan sebagainya. Oleh kerana itu, kita keluarkan.

BURSA SAHAM ISLAM - PILIHAN

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Bursa Saham Islam akan dilaksanakan atau papan pilihan yang menguruskan saham-saham yang diluluskan oleh syariah.

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan bursa saham Islam atau menyediakan papan pilihan berasingan di BSKL bagi menguruskan saham-saham yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Ini adalah kerana di bawah struktur BSKL yang sedia ada, terdapat kaunter-kaunter halal yang dikeluarkan oleh BIMB Sekuriti, iaitu Bank Islam yang boleh dirujuk dan dilanggan oleh para pelabur.

Setakat ini para pelabur yang ingin berurusan dengan kaunter halal mempunyai pilihan yang lebih daripada 390 syarikat yang dibenarkan dan menepati kehendak syarak. Jadi, kerajaan mengambil beberapa langkah untuk mengenal pasti yang kaunter-kaunter halal ini yang tersenarai di BSKL, termasuklah penubuhan Unit Pasaran Modal Islam di Suruhanjaya Sekuriti dan Majlis Penasihat Syariah. Jadi, para pakar syariah, para ulamak, ahli akademik dan tokoh korporat dalam bidang kewangan Islam.

Jadi, tugas utama Majlis Penasihat Syariah dan Unit Pasaran Modal Islam ialah mewujudkan kriteria dan methodology penyelidikan untuk mengenal pasti kaunter saham halal yang tersenarai di BSKL bagi memajukan pasaran modal Islam secara menyeluruh.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana mewujudkan kaunter-kaunter yang halal dan yang haram. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kerajaan juga bercadang untuk menentukan supaya kaunter-kaunter yang haram ini tidak mempunyai pengarah-pengarah yang boleh menghalalkan dari segi orang Islam supaya ianya bertepatan dengan hukum-hukum tertentu?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun merujuk perkara ini kepada Sahibul Fadhilah Dato' Mufti Selangor dan betul kata Yang Berhormat Dato' Aziz tadi bahawa orang-orang Islam tidak boleh menjalankan tugasnya dan sebagainya dalam kaunter-kaunter yang haram ini. Jadi, oleh kerana itu, kerajaan telah pun membuat prosedur secara administrative; perkara-perkara ini hendaklah diikuti.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan hari ini terlalu ramai orang Islam masih ragu-ragu tentang pelaburan ASN, ASB, ASW dan sebagainya, dan ini mungkin salah satu sebab mengapa ramai bumiputera yang tidak mahu hendak melabur. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa pelaburan-pelaburan yang dibuat melalui amanah saham yang saya sebut tadi halal dari segi syariah? Sebab kita tidak tahu di dalam syarikat apa yang dilabur, kadang-kadang kemungkinan syarikat itu juga terlibat dalam perkara-perkara yang haram. Siapa yang akan bertanggungjawab terhadap masalah keraguan ini?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, kita di antara 350 syarikat yang dibenarkan. Juga saya katakan tadi kita ada mekanisme, iaitu

untuk mengenal pasti kaunter halal melalui Unit Pasaran Modal Islam yang membuat penyelidikan mengenai kaunter berkenaan sebelum membentangkan laporan kepada Majlis Penasihat Syariah untuk diputuskan. Jadi, memandangkan Majlis Penasihat Syariah ini masih baru, jadi Suruhanjaya Sekuriti akan menyediakan kaunter halal secara berperingkat-peringkat. Bagaimana pun, untuk sementara waktu pihak pelabur boleh berpandukan beberapa senarai kaunter halal yang dikeluarkan oleh BIMB Sekuriti, Bank Islam sehingga satu senarai yang seragam dikeluarkan.

Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti terdiri daripada Dato' Sheikh Azmi Ahmad - Mufti Pulau Pinang, Dato' Haji Mohamad Huzairi bin Haji Dainuri - Timbalan Mufti Negeri Johor, Profesor Mohd. Hashim bin Yahya - UIA, Ustaz Haji Hassan bin Haji Ahmad - Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Dato' Dr. Halim bin Ismail - BIMB Sekuriti Sdn. Bhd, Encik Nor Mohd. Yaacob - AGI Resource Sdn. Bhd. Terima kasih.

PENCEROBOHAN KAWASAN SEKOLAH DAN MENYERANG GURU - TINDAKAN

7. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah tindakan tegas telah dan akan diambil oleh kementerian terhadap orang luar yang menceroboh kawasan sekolah dan menyerang guru.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang menyedari adanya isu pencerobohan atau serangan terhadap guru di sekolah. Tindakan tegas akan diambil oleh Kementerian Pendidikan terhadap orang luar yang terlibat. Pihak yang berkenaan dimestikan membuat laporan kepada pihak polis. Jika terdapat keterangan laporan yang lengkap, tindakan secara undang-undang sivil, mahupun jenayah akan diambil terhadap pihak tersebut. Kementerian Pendidikan akan bertindak berdasarkan kepada faktor dan sifat kes tersebut.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kebelakangan ini kita dapati ada kes-kes yang melibatkan orang luar menyerang guru-guru sehinggalah ada guru besar yang meninggal dunia ditikam oleh penjaga kantin, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah perlindungan yang dibuat oleh pihak kementerian kepada guru-guru? Adakah mereka ini dilindungi oleh insurans dan apakah tindakan kementerian ataupun pampasan yang didapati oleh keluarga guru yang meninggal dan juga bagi mereka yang telah diserang oleh penyerang-penyerang daripada luar ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berasa amat sedih kerana baru-baru ini terjadi seorang guru besar telah dibunuh oleh seorang kontraktor kantin. Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan pihak polis supaya kes tersebut akan diselesaikan secepat mungkin dan Kementerian Pendidikan dari segi prinsipnya akan terus memberi perlindungan bukan sahaja kepada guru besar tetapi juga guru-guru dan pelajar-pelajar supaya pihak-pihak luar tidak akan, dengan izin, take advantage dan tidak akan menjejaskan keadaan pembelajaran di sekolah-sekolah kita.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam melaksanakan tindakan yang tegas yang telah dijalankan oleh pihak kementerian itu amatlah dihargai, tetapi apakah kementerian bercadang untuk mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan di sekolah-sekolah, bukan sahaja untuk keselamatan guru-guru tetapi juga untuk keselamatan pelajar-pelajar dan murid-murid yang berada di sekolah-sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah salah satu program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan sekarang sudah nasihat semua pengetua dan guru besar supaya mempertingkatkan keadaan keselamatan di sekolah-sekolah. Ini termasuklah bekerjasama dengan PIBG supaya diadakan satu peraturan yang lebih selamat untuk membolehkan pelawat yang sebenarnya memasuki sekolah, termasuklah tentukan bahawa pelawat-pelawat tersebut serahkan kad pengenalan kepada pejabat guru besar sebelum ia diizinkan untuk pergi ke bilik darjah dan juga bekerjasama dengan PIBG supaya ada security guard yang boleh membantu sekolah dari segi kawalan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berpendapat masyarakat tidak patut dipersalahkan bila ada pencerobohan yang berlaku terhadap sekolah yang melibatkan murid-murid dan juga guru. Bolehkah pihak kerajaan memaklumkan apakah sebab-musababnya yang menyebabkan masyarakat terpaksa melakukan demikian?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak sebab oleh kerana sekolah-sekolah merupakan satu tempat di mana ibu bapa serahkan anak-anak mereka kepada pihak sekolah untuk satu masa yang panjang. Jadi, dalam masa itu ada ramai orang lain, kalau mereka tidak suka

terhadap keluarga tersebut, dengan izin, take advantage untuk menggunakan bagaimana cara sekalipun untuk melakukan sesuatu kepada anak-anak yang mereka tidak suka itu.

Selain dari itu juga, tidak boleh dinafikan bahawa keadaan sekolah itu merupakan satu keadaan di mana guru-guru ini mengalami banyak tekanan (pressure) dan dalam keadaan tersebut memang ada pergaduhan dan sebagainya. Mungkinilah akibatnya salah satu pihak akan mengalami keburukan dan sebagainya.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus memberikan lebih banyak kursus kepada guru-guru kita supaya mereka boleh berfungsi dengan lebih berkesan dalam keadaan tersebut.

FELDA - BAYARAN PAMPASAN KEPADA KAUM INDIA AKIBAT PENGAMBILAN TANAH

8. Dato' P. Krishnan minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah kementerian sedar pada masa ini banyak tanah FELDA telah diambil oleh kerajaan untuk pembangunan dan berapa ramai kaum India yang terlibat dengan bayaran pampasan pengambilan tanah tersebut.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar terdapat beberapa rancangan FELDA di mana peneroka telah bersetuju menjualkan kawasan milik mereka. Bagaimanapun, ia bukanlah pengambilan tanah oleh kerajaan tetapi sebaliknya adalah urusan penjualan tanah antara peneroka sebagai pemilik dengan syarikat yang bercadang memajukan tanah tersebut.

Seramai 146 orang peneroka kaum India daripada 3 buah rancangan FELDA telah bersetuju untuk menjualkan kawasan tanah mereka. Seramai 53 orang adalah daripada rancangan FELDA Kampung LBJ, 60 orang daripada FELDA Sendayan dan 33 orang adalah daripada FELDA Sungai Buaya.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kerajaan membuka tanah-tanah rancangan FELDA, tujuannya ialah untuk menambahkan pendapatan rakyat dan pada masa yang sama juga untuk menambahkan pendapatan negara dari segi pertukaran asing. Jadi, dari segi jangka panjang adakah pendapatan negara juga akan turut terjejas dengan pertukaran tanah-tanah rancangan FELDA ini kepada tanah-tanah perumahan? Jika ada, apakah rancangan-rancangan ataupun peraturan yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengatasinya dari segi jangka panjang apabila terjejasnya pendapatan negara dari segi eksport dan sebagainya?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tentulah sedikit sebanyak tanah yang digunakan oleh tanaman kelapa sawit dan getah akan berkurangan akibat kemajuan tanah FELDA tetapi pada pendapat kementerian, jumlah tanah yang terlibat itu tidak begitu besar.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Sabah terdapat 3 rancangan FELDA; satu di Rumah Setawau, satu di Sahabat Lahad Datu dan satu di daerah Keningau. Apakah benar FELDA yang terdapat di daerah Keningau ini telah dikembalikan kepada kerajaan negeri? Kalau benar, kenapa dan kalau tidak, kenapa tidak dimajukan sehingga hari ini dan berapa luasnya?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis untuk soalan ini.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam *Harian Metro* terpapar di depan sekali mencatatkan jutawan pokai, bermakna jutawan papa. Jadi, saya terkejut apabila jangka masa perjanjian itu 48 bulan baru diselesaikan pembayarannya. Jadi, apakah sekarang gelaran 'jutawan' itu patut kita berikan atau kita tarik balik?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, gelaran ini tidak diberi oleh kerajaan. *[Ketawa]*

RUMAH KOS RENDAH - KRITERIA

9. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah kriteria baru rumah kos rendah dan kos sederhana dari segi saiz, kualiti dan harga; dan
- (b) bilakah kriteria baru ini akan dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan garis panduan perancangan dan reka bentuk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah untuk diguna pakai dalam pembangunan dalam semua projek perumahan sektor awam dan sektor swasta bagi kedua-dua kategori rumah tersebut. Para pemaju adalah dikehendaki mematuhi pawai-piawai minimum tersebut bagi semua projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah yang dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kategori rumah kos rendah, harga jualan adalah tidak melebihi RM25,000 seunit dan setiap unit hendaklah mempunyai keluasan lantai tidak kurang daripada 48 meter persegi, mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik tidur, satu bilik mandi dan tandas yang berasingan. Untuk kesesuaian penghuni, saiz minimum bagi bilik-bilik tidur telah ditetapkan iaitu 10.8 meter persegi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kategori rumah kos sederhana rendah pula, harga jualan adalah ditetapkan di antara RM25,001 seunit sehingga RM60,000 seunit dengan keluasan lantai tidak kurang daripada 60 meter persegi dan setiap unit kediaman dilengkapi dengan sekurang-kurangnya tiga bilik tidur, satu bilik serbaguna dan dua bilik air dan tandas. Keluasan bilik tidur juga telah ditetapkan iaitu 10.8 meter persegi.

- (b) Garis-garis panduan tersebut telah diterima pakai oleh semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan penyediaan pelan-pelan bagi projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah dan juga oleh pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab memproses pelan-pelan untuk kelulusan.

Tuan Yim Chee Chong: Soalan tambahan. Soalan saya adalah berkenaan dengan banjir.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini ada hubungan.....

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan apa?

Tuan Yim Chee Chong: Banjir. Ini adalah disebabkan ada pihak pemaju sesudah memberikan CF kepada pembeli-pembeli, oleh kerana sistem longkang kurang baik, jadi menyebabkan banjir. Apabila pemilik rumah kompin kepada pihak pemaju, pihak pemaju langsung tidak dengar dan tidak mengambil tindakan untuk mengatasi banjir itu. Oleh kerana itu, saya minta penjelasan dari kementerian, apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak pemaju yang tidak bertanggungjawab itu?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai garis panduan yang saya sebutkan tadi, ia melibatkan juga lain-lain aspek pembangunan pemajuan sesuatu kawasan seperti elektrik, seperti jalan dan bekalan air, sistem pembedungan, sistem saliran dan sebagainya. Dan apabila pelan ini diluluskan pihak pemaju perlulah mengikuti syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan yang meluluskan pelan tersebut.

Dan jikalau ada kesilapan atau ada pemaju yang enggan mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan sesuatu pemajuan, maka pihak berkuasa tempatan bolehlah mengambil tindakan terhadap pemaju itu seperti menghentikan kerja-kerja di atas tapak pemajuan itu apabila

projek itu masih dijalankan. Kalau projek sudah disiapkan dan CF sudah diberi kepada pemilik-pemilik rumah di atas projek itu, maka pemaju itu sudah menyelesaikan tanggungjawab mereka dan jikalau ada banjir, maka pihak berkuasa tempatan hendaklah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah banjir di dalam kawasan itu kerana projek itu sudah siap dan rumah itu pun sudah diberi CF oleh pihak berkuasa tempatan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rumah kos rendah ini pada masa yang lalu memang mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada rakyat. Saya percaya dengan adanya pindaan-pindaan baru ini, tentulah ramai mereka yang lebih meminati rumah-rumah kos rendah ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah sistem yang akan ditentukan oleh kementerian supaya pengagihan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana ini menepati dengan kriteria-kriteria mereka yang memohon rumah-rumah berkenaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Mengenai pengagihan rumah-rumah kos rendah, tanggungjawabnya memang adalah di dalam tangan kerajaan negeri masing-masing dan bagi peringkat kementerian, kita menggalakkan setiap negeri menggunakan sistem pendaftaran terbuka berkomputer dan apabila kita menggunakan sistem ini, maka sistem ini adalah transparent sebab kalau kita gunakan komputer, siapa yang diberi, markah ia lebih tinggi, maka pemohon itu akan dibekalkan dengan rumah apabila rumah itu siap dan diberi keutamaan mengikut markah-markah yang kita akan mengagihkan kepada si pemohon itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sehingga ini sejauh manakah kerajaan telah membuat kajian mengenai masalah yang berkaitan dengan perumahan ini supaya mengikuti panduan yang telah ditetapkan dalam Dasar Perumahan Negara dan keperluan semasa. Misalannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah mengumumkan harga rumah kos rendah ini terpaksa ditingkatkan kepada RM35,000 sedangkan Yang Berhormat sebutkan tadi kriterianya harga tidak lebih daripada RM25,000 dan sudah tentu perubahan-perubahan ini perlu dibuat dari masa ke semasa dan masalahnya pun perlu dikenal pasti dan kalau disebut alasannya ini tugas negeri, ini tugas perumahan, itu nampaknya menyulitkan rakyat yang memerlukan rumah.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, saya rasa tidak akan menyulitkan pemohon kerana kita tetapkan pada dasar umumnya RM25,000 adalah harga yang ditetapkan dan juga dipersetujui oleh jemaah menteri untuk satu unit rumah kos rendah tetapi baru-baru ini kabinet sudah mengubah dasar itu sedikit iaitu membenarkan setiap negeri untuk mentafsirkan rumah-rumah yang mereka akan majukan sama ada harga itu dalam kawasan itu patutlah ditetapkan dengan RM25,000 atau yang lebih tinggi sedikit mengikut kawasanlah.

Kalau kawasan itu terlalu dekat dengan bandar, maka harga tanah itu adalah tinggi dan pihak pemaju tidak dapat mengikuti syarat RM25,000 kalau memang dikehendaki menggunakan harga ini. Maka dalam situasi itulah kerajaan negeri itu boleh membenarkan pemaju itu menaikkan harga kepada tahap yang diluluskan oleh negeri itu.

SAMSENG JALAN RAYA - HUKUMAN

10. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai yang telah dikenal pasti samseng jalan raya yang telah ditangkap dan apakah tindakan serta hukuman yang telah dikenakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, daripada Januari 1995 hingga Oktober 1996, sejumlah 494 kes keganasan jalan raya telah pun dilaporkan. Daripada jumlah itu, seramai 120 kes tangkapan telah dilakukan dan daripada jumlah itu, 112 kes telah didakwa ke mahkamah dan hukuman adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

Puan Hajah Habshah binti Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan akhir-akhir ini terlalu banyak kemalangan jalan raya berlaku, saya ingin bertanya adakah kajian dibuat bahawa kemalangan ini

berlaku disabitkan oleh satu perancangan rapi oleh kumpulan-kumpulan yang mencari keuntungan dari kemalangan-kemalangan ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada kajian khusus dijalankan, tetapi kemalangan memang berlaku berbagai jenis. Tidak ada trend yang jelas bahawa ada sindiket telah merancang kemalangan itu. Walau bagaimanapun, terutamanya dalam tahun ini pihak Polis Diraja telah pun mempertingkatkan penguatkuasaan dan juga kerana kita telah meningkatkan kesedaran orang awam, maka orang awam telah sanggup untuk datang membuat laporan ke balai polis.

Jadi, oleh sebab itu, kita nampak kes-kes yang bertambah pada tahun ini, sebahagian dari faktornya ialah kesedaran. Bukan semestinya penambahan itu berlaku dalam tahun ini. Kerana kesedaran, maka banyak lagi laporan dibuat.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian apakah kegiatan-kegiatan samseng jalan raya ini dan apakah nasihat pihak kementerian kepada pengguna-pengguna jalan raya mengenai kegiatan-kegiatan mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terutamanya melalui Kementerian Pengangkutan telah pun mengadakan kempen-kempen yang tertentu untuk memperingatkan orang awam, terutamanya apabila menggunakan jalan raya sentiasa berhati-hati dan juga mengikut undang-undang yang ditetapkan.

Selalunya kegiatan yang tidak sihat ataupun apa-apa kejadian kemalangan ataupun jenayah di jalan raya adalah disebabkan ada di kalangan pengguna jalan raya itu tidak mematuhi undang-undang ataupun mereka tidak menghiraukan keselamatan orang lain. Ini adalah satu tanggungjawab bersama oleh semua rakyat awam, bersama-sama dengan kerajaan. Hanya dengan penguatkuasaan kita tidak boleh mengatasi kalau tidak ada kerjasama yang cukup.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah kita anggap teksi-teksi yang berderet di tempat-tempat teksi atau lorong-lorong teksi sebagai samseng-samseng jalan raya kerana mereka menghalang lalu lintas dan juga menghalang masuk teksi-teksi yang lain untuk benar-benar mengambil penumpang, terutamanya berhampiran dengan hotel-hotel terkemuka di Kuala Lumpur dan di Petaling Jaya dan bolehkah undang-undang yang disebutkan tadi dikenakan ke atas teksi-teksi tersebut?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, menghalang lalu-lintas adalah satu kesalahan undang-undang lalu-lintas. Mereka boleh disaman kalau sekiranya ada maklumat atau laporan yang diberi kepada polis, kita boleh dikeluarkan saman kerana menghalang lalu-lintas.

PADI - KELUASAN TANAMAN

11. Tuan Jang Chow Thye minta Menteri Pertanian menyatakan adakah pembangunan yang pesat di atas tanah tanaman padi telah mengurangkan pengeluaran beras di negara kita. Jika ya, apakah strategi atau langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini. Sila nyatakan jumlah luasnya tanah di bawah tanaman padi bagi setiap negeri pada masa kini (nyatakan keluasan ini bertambah atau berkurangan) jumlah keseluruhan pengeluaran padi di setiap negeri dan berapakah tan beras yang diimport setahun.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin

Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi pesat berasaskan kepada pembangunan industri pembuatan dan perkhidmatan telah memberi kesan kepada pembangunan pertanian. Perkembangan tersebut bukan sahaja mewujudkan persaingan kepada faktor pengeluaran seperti tanah dan buruh, tetapi juga telah meningkatkan permintaan terhadap hasil pertanian, khususnya pengeluaran makanan.

Perluasan kawasan perindustrian sehingga merangkumi kawasan tanaman padi khususnya di kawasan jelapang padi di utara Semenanjung telah menjejaskan keluasan kawasan sawah. Namun demikian, jumlahnya adalah kecil dan ianya tidaklah membimbangkan. Ini adalah kerana sebenarnya pengeluaran beras negara didapati tidak berkurangan, malah bertambah setiap tahun. Pengeluaran beras negara meningkat kepada 1.390 juta metrik tan atau 2.138 juta metrik tan padi pada tahun 1994 berbanding dengan sebanyak 1,225,240 tan metrik atau 1,884,984 tan metrik padi pada tahun 1990.

Keluasan kawasan penanaman padi pada keseluruhannya telah bertambah dari 698,624 hektar pada tahun 1994 berbanding dengan 680,647 hektar pada tahun 1990 dan 672,581 hektar pada tahun 1985. Keluasan bertanam di negeri-negeri jelapang padi utama semakin bertambah, manakala bagi negeri diluar jelapang padi, khususnya di luar skim perairan, keluasannya telah berkurangan.

Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk menumpukan pengeluaran padi di kawasan jelapang dan sekunder sahaja dan kawasan-kawasan marginal ditukar kepada tanaman lain. Luas kawasan tanaman bermusim utama dan luar musim pada tahun 1994 dan 1995 pada setiap negeri akan saya berikan secara bertulis kerana 12 buah negeri panjang.

Yang terakhir, pada tahun 1995, kuantiti beras yang diimport adalah sebanyak 427,570 tan metrik iaitu kira-kira 25% daripada keperluan beras negara. Jumlah keperluan beras negara pada tahun 1996 sebanyak 1,850,957 tan metrik dan jumlah bekalan beras keluaran tempatan ialah 1,428,073 tan metrik iaitu lebih kurang 65% daripada keperluan beras negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah program kementerian dalam usaha merubah struktur pembangunan petani-petani itu sendiri dari segi penggunaan sains dan teknologi untuk membantu ataupun memberi subsidi kepada petani-petani bagi menggalakkan mereka berusaha untuk mengusahakan hasil pertanian dan

adakah pihak kementerian sedar bahawa petani-petani yang terlibat dengan lebuhraya di Kedah menimbulkan masalah? Misalannya saya telah timbulkan kepada Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan meminta supaya membina jambatan melintang. Petani yang tinggal di sebelah lebuhraya menghadapi masalah untuk pergi mengusahakan tanah di sebelah lebuhraya. Mereka terpaksa melalui jalan yang cukup jauh.

Apa masalahnya kalau pihak lebuhraya membina jambatan melintasi lebuhraya itu? Apa pandangan kementerian untuk mengatasi masalah ini? Ramai pesawah di Kedah yang menghadapi masalah ini tetapi tidak diambil peduli oleh kerajaan.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang Dipertua, pertamanya tentang teknologi moden. Memang kementerian saya sedang mengkaji dasar pertanian negara supaya ianya dapat dilaksanakan teknologi yang lebih canggih tetapi untuk melaksanakan teknologi yang lebih canggih, maka sudah pasti individu-individu secara tradisional tidak akan mempunyai kemampuan. Sebab itu, kementerian saya akan memperluaskan supaya industri yang canggih ini akan dimasuki oleh pihak swasta secara besar-besaran.

Tetapi petani-petani miskin akan terus diberi bantuan seberapa yang mampu untuk mendapatkan kehidupan mereka yang lebih baik dan Kementerian Pertanian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat

yang telah mencadangkan supaya jejambat-jejambat untuk titian dan juga kalau boleh kontraktor juga dapat dikaji untuk melintasi lebuhraya-lebuhraya.

Memang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu amat tepat dan bagi pihak lebuhraya hendaklah memberi perhatian kerana sesuatu lengkungan untuk hendak memotong jalan mungkin memakan jarak 50 kilometer baru bertemu dengan satu laluan yang boleh memotong lebuhraya-lebuhraya. Jadi, kementerian saya akan cuba berbincang dengan pihak Kementerian Kerja Raya supaya dapat difikirkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," [17hb. Disember 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat sambungkan semalam.

3.42 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Semalam saya ingat sayalah, kalau tak salah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima

kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Setiausaha Dewan Negara kita ini, semalam kita belum pasti sama ada Setiausaha Dewan Negara telah dilantik secara rasmi atau tidak. Kalau jawatan ini belum dilantik seorang Setiausaha Dewan Negara, maka saya cadangkan supaya Dewan Negara kita ini akan melantik seorang setiausaha dengan segera.

Pada hari ini nampaknya Tuan Abdullah bin Wahab selaku pemangku Setiausaha Dewan Negara telah lama, pada hemat saya, beliau, saya belum layak juga, saya belum minum teh dengan beliau. Kita 'hello' sahaja bila kita jumpa dalam 6 tahun yang lalu. Pada hemat saya, Tuan Abdullah adalah seorang yang layak oleh kerana kelayakan pendidikan beliau dan juga kejujuran beliau terhadap Dewan Negara kita ini.

Kejujuran adalah sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kejujuran dan orang ini kuat kerja kalau tidak ada orang yang lagi layak, maka saya cadangkan Tuan Abdullah menjadi Setiausaha Dewan Negara kita.

[Tepuk]

Selain daripada itu, beberapa orang saudara semalam menyebut tentang jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Beberapa orang saudara mencadangkan supaya Dewan Negara kita ini melantik seorang Timbalan

Speaker. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya hari itu sesudah mengangkat sumpah menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara kita ini, ada surat khabar mengatakan umur Tan Sri 70 tahun, akhbar Cina kata umur Tuan Yang di-Pertua 70 tahun, *Straits Times* kalau tak salah 72 tahun. Nampaknya saya dari jauh, 50 tahun. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, kerana muda pula.

Tuan Yim Chee Chong: Young and handsome, Orang Putih katakan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kebenaran, tidak ada keizinan tu. Handsome tidak ada keizinan. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap seorang Tuan Yang di-Pertua jadi Speaker harus mengharapkan supaya ada seorang penolong untuk menolong kita. Kalau saya jadi Speaker andai kata, saya harus ada seorang penolong saya, macam saya jadi lawyer. Di dalam lawyer office ada LA yang tolong saya, minta dia tolong ini, tolong itu, saya senang, saya goyang kaki sahaja dalam office. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Artikel 56 subseksyen 1, Perlembagaan Persekutuan Negara kita tercatat: "*Dewan Negara dari masa ke semasa dikehendaki melantik seorang Yang di-Pertua dan seorang Timbalan Yang di-Pertua*". Oleh kerana itu, saya berharap mudah-mudahan Kerajaan Pusat akan

dapat melantik seorang Timbalan untuk menolong Tuan Yang di-Pertua dengan secepat mungkin.

Kalau Tuan Yang di-Pertua, hendak minum teh, hendak berehat pun senang sahaja. Kalau duduk-duduk hendak buang air pun susah [*Ketawa*] sebab tidak ada penolong. Kadang-kadang kita panggil mengikut standing order seorang ahli Dewan Negara duduk situ, sebagai Tuan Yang di-Pertua sementara kadang-kadang pun tidak ada apa hendak buat kerana belum dilantik sebagai Timbalan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh tentang tempoh persidangan Dewan Negara kita ini. Kali ini kita telah dijadualkan selama 9 hari untuk berbahas macam-macam rang undang-undang. Hari ini sudah termasuk hari yang kelima tetapi rang undang-undang yang diluluskan cuma satu sahaja iaitu Rang Undang-undang Penyiaran (Pindaan) 1996. Sekarang ini kita tengah membahar Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996. Betul, bukan lapan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengikut hemat saya 9 hari untuk membahar, membincang dan meluluskan rang undang-undang adalah sangat singkat, maka saya memohon supaya Dewan Negara ini akan bersidang sekurang-kurangnya dua bulan untuk setiap sesi bersidang. Bukan sahaja kita hendak minta allowance, allowance kalau pasal kita semua profesional, ramai profesional satu hari boleh untung berapa ribu.

Tetapi kita datang sini RM200 lebih sahaja, kita bukan kerana allowance bersidang, adalah kerana kita membincang tentang hal ehwal negara kita kerana kepentingan rakyat dan bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sedang membincangkan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan), adalah berkenaan dengan kenaikan elaun Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negara. Pada beberapa tahun yang lalu, ada orang yang mencadangkan turun gaji menteri ataupun Ahli Parlimen di Dewan Rakyat semasa saya menjadi Ahli Parlimen kawasan Seremban, dua, tiga tahun yang lalu, DAP mengemukakan Usul ingin menurunkan gaji Yang Berhormat Datuk Dr. Fong Chan Onn, Timbalan Menteri Pendidikan, mana dia sekarang?

Dia tidak ada, dia meeting dengan Ahli-ahli Parlimen MCA pada pukul 4.00 petang. Orang Cina menyokong dia kerana beliau rajin, masyarakat Cina menyokong beliau

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun dan keluar Dewan]*

Tuan Yim Chee Chong: Oh, puan hendak keluar! Saya ingat hendak minta laluan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Fong Chan Onn, semua bangsa sokong beliau menjadi Timbalan Menteri Pendidikan, oleh kerana semua sokong, tetapi DAP di Dewan Rakyat mengemukakan Usul hendak turun gaji beliau. Baru-

baru ini begitu juga DAP mengemukakan satu Usul di Parlimen ingin menurunkan gaji sebanyak RM10 sahaja kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, Presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan Malaysia, DAP cadangkan hendak turunkan gajinya sebanyak RM10.

Ini adalah kerana untuk propaganda DAP sahaja. DAP sebenarnya, kalau mengikut pandangan saya, sebenarnya bukan satu opposition party yang baik di negara kita ini. Selama ini hanya mementingkan faedah partinya, partinya sudah kalah pada tahun 1995 dalam pilihan raya - kalah. Hilang semua kerusi di Semenanjung. Rakyat Malaysia tidak menerima prinsip dan dasar perjuangan parti itu. Hari ini kita berpendapat, Presiden MCA adalah seorang yang jujur, seorang yang rajin bekerja siang malam untuk MCA, siang malam untuk Barisan Nasional dan siang malam untuk bangsa dan negara.

Saya cadangkan, saya bukan hendak naik pangkat. *[Ketawa]* Saya adalah seorang yang jujur, sentiasa memberi teguran yang membina kepada parti dan kepada kerajaan. Ada seorang opposition party, seorang doktor yang terkenal adalah Dr. Tan Chee Khoo, "Mr. Opposition", saya kenal Dr. Tan Chee Khoo lebih dari 30 tahun, semasa beliau menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Batu, siang malam beliau berkhidmat kepada rakyat! Dalam Dewan Rakyat, beliau sentiasa dengan gagah dan berani, without fear and favour, beliau memberi teguran yang membina kepada kerajaan. Inilah orang yang DAP harus mencontohi.

Hari ini, Dr. Tan Chee Khoo baru-baru ini telah meninggal dunia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pun hadir menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. DAP adalah ibarat kata perumpamaan Melayu yang mengatakan adalah seperti ‘anjing menyalak gunung’.

Seorang Ahli: Bukit!

Tuan Yim Chee Chong: Bukit lagi kecil, gunung lagi besar. *[Ketawa]* Tetapi, gunung takkan runtuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini mengenai dengan bil telefon Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara, setiap bulan kita serahkan bil kepada pentadbiran minta elaun, ini adalah leceh sangat, oleh kerana Ahli-ahli Parlimen sibuk sangat. Jadi, saya cadangkan setiap bulan kita beri satu elaun macam RM500, kalau you kenakan RM300, you ada untung RM200. *[Ketawa]* Tak payah serahkan bil, setiap bulan bayar, itu sahaja cadangan yang baik. Betul atau tidak saudara?

Beberapa Ahli: Betul!

Tuan Yim Chee Chong: Betul ya? Sekarang ini mengenai dengan pinjaman kenderaan ataupun kereta sebanyak cuma RM25,000 sahaja.

Seorang Ahli: Beli rumah!

Tuan Yim Chee Chong: Ini bukan beli rumah, ini beli kereta, nanti akan sampai kepada pembelian rumah.

Tuan Yang di-Pertua, RM25,000 - sekarang kereta yang buruk yang 15 tahun umurnya pun RM30,000 tak boleh dapat. RM25,000 ini mungkin pinjaman 30 tahun yang lalu. Dahulu tahun 1969 saya pernah beli "Bluebird" saya ingat lebih kurang RM12,000 sahaja. Sekarang Nissan berapa harganya? Saya lama tak beli, berapa harganya?

Seorang Ahli: RM98,000!

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, RM98,000. Jadi, RM25,000 pinjaman kenderaan adalah sangat tidak mencukupi. Saya kemukakan hal ini bukan katakan saya hendak pinjam wang dari kerajaan. Semasa saya jadi Ahli Parlimen selama lima tahun, saya tidak pernah minta pinjaman membeli kereta, sekarang saya minta pinjaman kereta dinaikkan sekurang-kurangnya RM60,000.

Saya tidak minta pinjaman kenderaan bukan bermakna saya sudah kaya - tidak! Oleh kerana saya gunakan kereta lama, 15 tahun, itu lousy punya kereta. *[Ketawa]* Saya tak payah bayar insurans, installment kereta tak payah, oleh kerana sudah lama, kereta saya selalu rosak, hari itu kita ada satu jamuan di Parlimen, lepas itu saya punya kereta rosak di tepi pondok polis, 24 jam ada di situ, 2026 itu kereta saya. *[Ketawa]* Tetapi pun masih begini jugalah, kereta lama. Saya pun tidak ada niat hendak minta pinjaman kenderaan dari Parlimen kerana saya sudah suka kereta itu, sungguh pun sudah 15 tahun macam kawan lama juga. *[Ketawa]*

Saya minta kepada Kerajaan Persekutuan supaya pinjaman kenderaan dinaikkan dari RM25,000 hingga sekurang-kurangnya RM60,000. *[Tepuk]*
Oh! Ada orang tepuk ya? Terima kasih. *[Tepuk]*

Selain daripada itu, berkenaan dengan elaun Ahli Dewan Negara. Pada hari ini elaun Ahli Dewan Rakyat adalah sebanyak RM4,800 sebulan, dengan izin. Tetapi, Senator adalah sebanyak RM3,000 setiap bulan, bezanya RM1,800. Kerja sama, kawan saya Yang Berhormat Dato' Haji Zainal bin Md. Deros mengatakan, 'kerja sama', 'tugas yang sama', tetapi ikut pandangan saya taraf ikut protokol taraf Senator lebih tinggi daripada Ahli-ahli Parlimen. *[Tepuk]*

Semua Rang Undang-undang yang diluluskan di Parlimen harus mendapat kebenaran daripada Dewan yang mulia ini. Jadi, elaun Ahli-ahlinya harus lebih tinggi lagi daripada Ahli Parlimen *[Ketawa]* mengikut pandangan saya yang 'humble'.

Seorang Ahli: Lagi tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yim Chee Chong: Ha! Lagi tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat, kawan saya dahulu kita jumpa di Parlimen, sekarang kita jumpa di Dewan Negara. *[Ketawa]* Kita selalu bertemu!

Sekarang ini saya cadangkan oleh kerana sama taraf, oleh kerana sama menjalankan tugas yang sama, oleh kerana tanggungan kita terhadap negara dan tanggungan kita terhadap bangsa, saya cadangkan elaun bagi Ahli-ahli Dewan Negara adalah sama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

Ramai orang bertanya gaji dia berapa? Kalau gaji tinggi, bermakna orang itu ia okay, ia besar, kalau gaji turun, dia orang macam tidak ada standard. Sekarang ini dua-dua tidak sama, jadi, saya ingat, saya minta supaya disamakan elaun, sama standard. Kita di Dewan Negara lagi kuat kerja. Dia ini dahulu pun kita jumpa selama 5 tahun di Dewan Rakyat, sekarang di sini pula. Tetapi dahulu you di lokap saya tidak jumpa you di lokap. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau ada orang tanya - untuk kita mudah menjawab. Di Dewan Rakyat, anggota Dewan Rakyat di pilih dalam pilihan raya. Kita ini dilantik, manakala anggota Dewan Rakyat ada kawasan secara rasmi untuk mereka jaga, kita tidak ada kawasan, cuma tinggal lagi ada beberapa anggota Dewan Rakyat yang secara langsung memegang jawatan politik seperti UMNO, seumpamanya, maka tentulah tanggungjawabnya lebih, tetapi ia tidak sama. Jadi, macam mana Yang Berhormat hendak jawab? Itu satu.

Tadi Yang Berhormat sebut, minta naik peruntukan pinjaman kereta kepada RM60,000 tetapi Yang Berhormat tidak hendak pinjam. Jadi, kenapa minta tetapi tidak hendak pinjam?

Tuan Yim Chee Chong: Ini hutang sahaja, sebab tidak pinjam tadi, saya pun sudah sebut kenapa tidak pinjam, mungkin saudara tidak mendengar ataupun mengantuk di Dewan ini. Mengantuk ini bukan bermakna kita malas, kerana kita kuat kerja, sampai tengah malam. *[Ketawa]* Macam saya kerja

sampai tengah malam, kadang-kadang sampai di sini saya mengantuk, bukan kerana saya malas. Saudara pun sama juga.

Tentang MP - Ahli Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya dan Senator dilantik oleh kerajaan negeri ataupun kerajaan pusat yang tidak ada kawasan. Ahli Dewan Rakyat ada kawasan, tetapi kawasannya sempit, Senator yang tidak ada kawasan, kawasannya besar di seluruh Malaysia. Mana-mana sahaja kita boleh berkhidmat, itulah sebab gaji kita harus tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, melalui pindaan, Ahli-ahli Parlimen akan naik gaji sebanyak RM90.00 RM90.00 is nothing, tidak ada apa-apa. Saya ingat RM900, tetapi apabila saya baca dengan teliti - RM90.00 sahaja, itu pun tidak apa. At least something, menggalakkan kita bekerja kuat. RM90.00 ini pun, sekarang Malaysia kaya dan makmur dan ini tidak menjadi tanggungan kerajaan, jadi, kita bersetuju untuk terimalah - mahu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan Ahli-ahli Dewan Negara akan terus bekerja kuat dan turut berkhidmat kepada nusa dan bangsa. Oleh kerana itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abu Bakar.

4.05 ptg,

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahas suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen Saraan 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang telah diberikan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sebelum ini dan saya ingin menekankan berkenaan dengan kedudukan jawatan Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Persekutuan, oleh kerana negara kita mengamalkan dasar pemerintahan demokrasi berparlimen, sudah tentu penubuhan kerajaan ini adalah dipilih oleh rakyat di dalam pilihan raya 5 tahun sekali dan kita di peringkat persekutuan mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan di peringkat negeri - Dewan Undangan Negeri. Walaupun Ahli Dewan Negara ini tidak dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya, tetapi kita juga adalah dipilih oleh parti yang memerintah di peringkat negeri dan juga di peringkat persekutuan yang mana, ahli-ahli Dewan Negara ini turut memberi sumbangan, sama ada sumbangan tenaga, wang ringgit dan juga sumbangan-sumbangan lain bagi memenangi ahli Dewan Rakyat yang secara kebetulan diberi peluang bertanding sebagai calon.

Kita sama-sama juga maklum bahawa semua wakil-wakil rakyat, sama ada di peringkat negeri ataupun Parlimen yang bertanding di dalam pilihan raya ini, mereka ini diberi wang di mana wang itu diberi oleh parti yang mengemukakan calon, bukanlah wang mereka sendiri. Oleh sebab itu, kalau

Ahli Dewan Negara ini juga diberi kesempatan bertanding di dalam pilihan raya, saya percaya tidak ada masalah untuk memenangi di dalam pilihan raya. Oleh sebab itu, tidak timbul sama ada kita dipilih oleh rakyat ataupun kita dipilih oleh parti kerajaan yang memerintah di peringkat negeri dan juga di peringkat persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting di sini ialah kedudukan Dewan Negara dan Dewan Rakyat dari segi Perlembagaan. Kita tahu bahawa status Ahli Dewan Negara ini adalah termaktub di dalam Perlembagaan dan di dalam Perlembagaan juga ada menyebut kuasa-kuasa yang telah pun sah di sisi Perlembagaan, oleh yang demikian, saya berpendapat sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kerajaan di dalam perkara ini tidak harus mengamalkan sikap double standard, iaitu membezakan kedudukan Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat. Kalau kita bandingkan hari ini di antara Wakil Rakyat di peringkat negeri, Ahli Dewan Rakyat di peringkat Parlimen dengan Ahli Dewan Negara, sudah tentu terdapat banyak perbezaan. Itu kita belum mengambil kira lagi kalau sekiranya Ahli Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri menjadi exco, menjadi pengerusi di dalam agensi-agensi, begitu juga Ahli Dewan Rakyat di peringkat Parlimen di mana ada sesetengahnya menjadi Timbalan Menteri, Menteri, Setiausaha Parlimen dan sebagainya dan di dalam masa yang sama ada juga mereka ini dilantik sebagai pengerusi ataupun Ahli Lembaga Pengarah di dalam pelbagai agensi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, amatlah wajar sekali dipertimbangkan supaya saraan, elaun dan kemudahan-kemudahan kepada Ahli Dewan Negara ini ditingkatkan. Saya tidak menuntut supaya disamakan, saya hanya mencadangkan supaya elaun dan kemudahan-kemudahan bagi Ahli Dewan Negara ini ditingkatkan, sekurang-kurangnya kalau Ahli Dewan Rakyat, - RM4,800, yang mana apabila pindaan ini diluluskan akan menjadi RM4,890 dan Ahli Dewan Negara akan menjadi RM3,090, ditingkatkan elaun Ahli Dewan Negara ini menjadi RM4,590 dan Ahli Dewan Rakyat RM4,890 - Ahli Dewan Negara RM4,590.

Pada pandangan saya jumlah elaun itu adalah lebih munasabah. Elaun-elaun kemudahan lain ditingkatkan mengikut ratio atau percentage yang seimbang seperti dahulu, tetapi berasaskan elaun RM4,590. Saya percaya penuh, kalau kita bandingkan di dalam sektor swasta dan banyak lagi pihak-pihak lain sekarang ini, gaji elaun itu masih jauh perbezaannya. Itu kita tidak mengambil kira lagi bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mempunyai syarikat perniagaannya sendiri, apa yang kita bahaskan pada hari ini ialah kedudukan sebagai Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan keistimewaan yang didapati oleh Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat sekarang ini. Misalannya kalau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara itu dilantik sebagai pegawai pentadbiran, selain Perdana Menteri,

Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya, mereka ini adalah dianggap sebagai anggota perkhidmatan pentadbiran. Selain daripada mereka mendapat elaun sebagai Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara, mereka juga akan menerima gaji sebagai anggota pentadbiran yang terikat di bawah saraan bagi anggota pentadbiran. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, banyaklah perkara yang saya nyatakan tadi menjadi perbezaannya lebih ketara lagi. Misalannya dari segi elaun pemandu, elaun rumah, elaun perbatuan, elaun keraian dan elaun-elaun lain.

Sekarang ini kalaulah kita jumlahkan semua elaun itu Ahli Dewan Rakyat akan menerima lebih daripada RM5,000, itu tidak mengambil kira gaji sebagai pegawai pentadbiran, tetapi elaun Ahli Dewan Negara hanya dalam lingkungan tidak sampai RM4,000 dicampur semua kemudahan yang saya sebutkan tadi dalam RM3,800 tidak sampai RM4,000. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampailah abad ke-21, tetapi hingga sekarang ini dengan perkembangan ekonomi negara yang begitu meningkat sesuai sekali dengan statusnya wajarlah dipertimbangkan. Walaupun pindaan hari ini hanya melibatkan RM90,000, tetapi perlu diberi perhatian tentang perlunya dipertingkatkan.

Oleh itu, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kita melantik sebuah jawatankuasa yang akan mewakili Ahli Dewan Negara bagi membuat pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengemukakan masalah dan permintaan kita ini.

Saya yakin penuh, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentu peka dengan masalah ini. Oleh kerana kita tidak pernah menghantar wakil secara rasmi untuk mengemukakan masalah ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan iaitu Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba selaku Pengerusi Ketua Delegasi, Yang Berhormat Tuan Ding Seling (mewakili Sarawak), Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (mewakili Sabah), Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong (mewakili kaum bukan Melayu), Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim mewakili Ahli-ahli Dewan Negara ini bagi mengemukakan masalah dan minta supaya kerajaan menimbangkan tentang kenaikan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan huraian dan kata-kata itu saya menyokong pindaan rang undang-undang ini dengan harapan apa yang saya cadangkan tadi mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat kita ada banyak bil lagi, oleh kerana masa pendek, jadi ini yang penghabisanlah berucap untuk rang undang-undang ini. Kalau boleh ringkaskan.

4.15 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kerana memberi laluan untuk saya untuk saya menyertai rakan-rakan membahaskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1996, yang mana membabitkan perkhidmatan Ahli Parlimen yang bertugas sekarang dan akan bertugas di masa hadapan.

Pindaan Akta ini melibatkan wang tambahan dianggarkan sebanyak RM973,800 setahun yang mana tidaklah besar jika dibandingkan dengan jumlah individu yang terlibat, daripada yang tertinggi hinggalah yang bertaraf Ahli-ahli Parlimen macam saya. Saya bersetuju dengan apa-apa yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini sejak semalam hinggalah ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat menarik perhatian saya apabila ada rakan-rakan menyatakan bahawa jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara kini adalah kosong, Tuan Yang di-Pertua sekarang dan bekas Tuan Yang di-Pertua di sesi-sesi yang lalu saya lihat sentiasa mencari mana-mana ahli Dewan yang boleh menggantikan mereka di masa-masa yang diperlukan.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menimbangkan secara serius di atas perlintakan tersebut bagi mempertingkatkan lagi mutu pencapaian kita semua walaupun setakat ini saya kira sudah begitu baik pencapaiannya.

Di sini saya hendak membuat cadangan tambahan yang mana telah saya utarakan di Dewan yang mulia ini hampir setahun yang lalu iaitu kerajaan menimbangkan dengan betul-betul serius untuk melantik Timbalan Yang di-Pertua daripada kalangan wanita. Dahulu saya sebutkan contoh di mana berlaku di House of Commons di United Kingdom diserikan oleh seorang Speaker wanita yang begitu terserlah keterampilannya dan mampu untuk memimpin House of Commons tersebut dengan begitu cemerlang. Jadi, pada hari ini saya ingin membawa Dewan yang mulia ini ke satu negara Islam, iaitu di Iran. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya akan membawa satu keratan akhbar di Malaysia bertajuk rempah ratus di minggu yang lalu, yang mana ini berlaku di negara Islam, bukanlah jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan, tetapi sebagai jawatan Datuk Bandar.

Di Tehran Iran, buat pertama kalinya sejak revolusi Islam tahun 1979 seorang wanita dilantik menjadi Datuk Bandar yang pertama di dalam sebuah daerah di Iran, Zahra Sadri Azam Nuri 40 tahun dilantik sebagai Datuk Bandar wanita pertama di kawasan utara Tehran sebuah bandar yang mempunyai 12 juta penduduk dan 20 kawasan pentadbiran. Datuk Bandar Tehran ini dilantik oleh Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab dalam melantik 20 datuk bandar di lain-lain daerah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah keratan akhbar tersebut [*sambil menunjukkan keratan akhbar*]. Oleh itu, saya kira tidaklah bermasalah bagi

kerajaan untuk melantik wanita mengisi tempat kosong sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

Saya juga bersependapat dengan Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong supaya jawatan Setiausaha diisi oleh Encik Abdullah bin Abdul Wahab kerana tidak perlulah dipangku jawatan tersebut kerana pengalaman dan keupayaan beliau tentulah telah diuji sekian lama. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bawa ke dalam Dewan ini adalah tempoh persidangan Dewan Negara yang mulia ini.

Sepanjang amatan saya dan dikira dengan nisbah jumlah Ahli Dewan Negara dengan Dewan Rakyat didapati kekuatan Dewan Negara adalah 30% kalau dibandingkan dengan kekuatan Dewan Rakyat dari segi keahliannya. Maka wajar benarlah sesi Dewan Negara diberi sesi persidangan juga berdasarkan 30% daripada persidangan Dewan Rakyat. Ini bagi membolehkan Ahli Dewan Negara membahaskan akta-akta dan pindaan-pindaan akta dengan selesa dan cukup masa, tidaklah seperti yang pernah berlaku di Dewan yang mulia ini, terjadi berebut-rebut dan terpaksa dipendek-pendekkan. Sebagai satu contoh yang ketara, sesi Dewan Negara cuma dijadualkan bersidang 9 hari berbanding dengan Dewan Rakyat yang bersidang 42 hari iaitu lebih kurang 20% dari masa yang diperuntukkan oleh Dewan Rakyat, kurang 10% daripada sewajarnya. Oleh itu, diminta dilihat dan diperbetulkan untuk sesi-sesi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi pandangan berkenaan tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara. Dikuatkuasakan sekarang tempoh perlantikan Ahli Dewan Negara ialah 3 tahun dan untuk 2 penggal sahaja. Saya mencadangkan supaya tempoh tersebut diseragamkan dengan perkhidmatan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu 5 tahun bagi satu penggal.

Dengan lanjutan perkhidmatan tersebut, dipercayai bahawa keberkesanan dalam banyak aspek oleh Ahli Dewan Negara itu akan lebih dirasakan kerana diberi lebih lama masa, lebih berpengalaman dan tentunya lebih berkesan. Pada masa yang sama juga, dengan lanjutan tempoh tersebut akan mengurangkan beban kewangan bagi membiayai saraan kepada lebih ramai bekas-bekas Ahli Dewan Negara. Oleh itu, baik saya kira perkara ini diberi perhatian dan dibuat satu kajian.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang dengan izin, 'fringe benefit', saya berterima kasih kepada Kabinet kerana dari masa ke semasa mempertimbangkan Ahli-ahli Dewan Parlimen termasuklah Ahli Dewan Negara menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negeri. Saya secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menyertai rombongan Yang Amat Berhormat ke negara Asia Timur sedikit masa yang lalu. Walaupun pada masa itu, saya terpaksa menolak kerana komitmen yang telah dibuat terlebih dahulu. Saya kira, kalau diberi peluang kali ini, saya akan menerimanya dengan besar hati. Maaf, Tuan Yang di-Pertua saya telah sedikit menyimpang dan apa yang saya ingin kemukakan adalah dipertimbangkan penyertaan Ahli-ahli Dewan Negara bukan sahaja menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi juga oleh Yang Berhormat Menteri-menteri di kementerian-kementerian yang lain bagi mendedahkan para Ahli Parlimen Malaysia kepada pengalaman dan pelajaran di negara-negara yang dilawati oleh Yang Berhormat Menteri tersebut.

Saya juga ingin mengemukakan di sini bahawa keutamaan untuk Dewan Negara, berilah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang hampir tamat tempoh perkhidmatannya. Walaupun ada yang bertuah untuk diundang berkali-kali, ini adalah satu perkara yang baik dan saya berterima kasih kerana ada Ahli Dewan Negara yang diundang beberapa kali tetapi saya ingin mencadangkan bahawa tiap-tiap Ahli Dewan Negara sekurang-kurangnya sekali semasa perkhidmatannya diberi untuk menyertai rombongan-rombongan yang saya sebutkan tadi. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya menyokong akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

4.23 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih banyak kepada 10

orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian membahaskan pindaan akta yang dibentangkan ini. Mereka yang membahaskan ialah Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin Karno, Yang Berhormat Puan Kamilia Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Ismail dan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah Baهران.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya segala pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat tersebut, ada yang telah diambil tindakan dan banyak yang kita kira akan diambil tindakan di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Datuk Rahim Baba dan Yang Berhormat Puan Kamilia Haji Ibrahim serta Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Ismail telah membangkitkan mengenai status Ahli Dewan Negara dengan Ahli Dewan Rakyat. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, kedua-dua Ahli Dewan ini adalah merupakan Ahli Parlimen. Hanya yang berbeza ialah cara pemilihan atau perlantikan mereka. Ahli Dewan Negara dilantik melalui kerajaan negeri atau juga atas perkenan Yang di-Pertuan Agong. Ahli Dewan Rakyat dipilih dalam pilihan raya. Proses pemilihan ahli Dewan Rakyat adalah amat berbeza dengan perlantikan Ahli Dewan Negara. Risikonya kalau menang dalam pilihan raya, maka jadilah Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat.

Selain daripada itu, Ahli Dewan Negara tidak boleh dilantik lebih daripada 2 penggal. Ahli Dewan Rakyat boleh dipilih lebih daripada itu mengikut pencalonan-pencalonan dari masa ke semasa. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 45 dan 46, ini bukanlah membezakan kepentingan, mana yang lebih tinggi dan yang lebih rendah hanya merupakan perkara yang dimasukkan dalam Perlembagaan tetapi hakikatnya kedua-duanya adalah lebih kurang sama. Mungkin yang membezakan ialah dari segi fungsi yang ada sedikit perbezaan.

Tentang memegang jawatan menteri, timbalan menteri dan juga yang dilantik daripada ahli Dewan sama ada Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Memang Ahli Dewan Negara juga dilantik menteri, timbalan menteri dan sebagainya, serupa jugalah dilantik kepada Ahli Dewan Rakyat. Tetapi, mungkin bilangannya agak berbeza.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin Karno, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Ismail menyentuh imbuhan yang tidak setimpal. Mengikut Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, "Saraan Tetap" diberi, memang ada sedikit berbeza di antara Ahli Dewan Negara dengan Ahli Dewan Rakyat. Tetapi elaun-elaun dan keistimewaan yang lain adalah serupa, di antaranya elaun keraian, elaun pemandu, elaun mesyuarat, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan adalah serupa.

Insyallah, selepas pindaan rang undang-undang ini diluluskan oleh kedua-dua Dewan ini, kerajaan akan mempertimbangkan untuk menaikkan kadar bayaran elaun-elaun yang berkenan tidak termasuk saraan tetap. Kadar-kadar elaun yang akan diberi kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara selaras mengikut peruntukan seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1990.

Berhubung dengan bil telefon yang dibangkitkan Yang Berhormat Yim Chee Chong, semasa ini kita claim tidak boleh lebih daripada RM200, mestilah mengemukakan bil-bil telefon yang berkenaan. Insyallah, kerajaan akan pertimbangkan supaya dimasukkan terus amaun bayar bil telefon ini dalam slip gaji tiap-tiap Yang Berhormat. Tentang jumlahnya, saya belum pasti berapa.

Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali dan Tuan Haji Sairin Karno juga telah membangkitkan mengenai peningkatan kelas penerbangan bagi Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Perkara ini juga dalam pertimbangan kerajaan untuk menaikkan kelas, tempat duduk penerbangan yang difikirkan sesuai bagi penerbangan dalam dan luar negeri. Insyallah, dengan izin Allah, kita akan ditempatkan serupa lain-lain orang yang memegang jawatan dalam politik, baik penerbangan dalam negeri atau luar negeri. Mungkin kita akan beri bussiness class; jangan bimbang Yang Berhormat, kerajaan kita ialah kerajaan yang adil.

Mengenai elaun-elaun yang lain, sebagaimana saya nyatakan tadi, termasuklah pinjaman perumahan, pinjaman kereta, elaun bermesyuarat, elaun keraian, elaun kerani, elaun pemandu juga dalam pertimbangan kerajaan dan elaun-elaun ini akan diberi sama rata Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat. Tetapi jumlahnya juga saya pun tidak berani hendak bercakap di sini sebab saya takut, bukan takut - bimbang apa yang saya cakap ini berlainan sebenarnya dengan apa yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Dato' Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Puan Kamilia Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah membangkitkan perkara mengenai perlantikan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Memang kekosongan jawatan ini telah berlaku beberapa tahun yang lepas. Pengisiannya akan dibuat oleh kerajaan setelah calonnya ditentukan. Bila? Saya tidak tahu. Mudah-mudahan salah seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini akan dilantik, insya-Allah. Tetapi terpulanglah siapa yang nasibnya baik, kalau kerajaan telah membuat keputusan. Sebab dalam perlembagaan ini memang ditetapkan bahawa Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara hendaklah terdiri daripada Ahli-ahli. Ertinya, Ahli-ahli Dewan Negara, tidak daripada luar. Berlainan dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, boleh dilantik daripada orang yang luar daripada Ahli. Tentang lelaki, perempuankah untuk dilantik ke jawatan tersebut memang tidak dinyatakan dalam perlembagaan. Jadi, terpulanglah siapa yang boleh dilantik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang.

Di samping itu, beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara kedudukan Setiausaha Dewan Negara. Perlantikan Setiausaha Dewan Negara ini telah pun diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong mengikut Artikel 65 Perlembagaan Persekutuan. Perkara perlantikan dan pengesahan jawatan ini akan diselesaikan oleh pihak pentadbiran yang terlibat. Itu kedudukannya setakat yang saya tahu.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Dato' Rahim Baba, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah Ismail juga telah menyentuh mengenai lawatan keluar negara di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Lawatan-lawatan ini melalui banyak punca. Ada lawatan bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun melalui International Parliamentary Union (IPU), ataupun melalui Commonwealth Parliamentary Association (CPA). Pada keseluruhannya di antara lawatan-lawatan ini, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara dipilih untuk mengikut rombongan lawatan-lawatan tersebut.

Mengenai pemilihan peringkat akhir, ianya berlaku kepada semua pihak, baik Ahli Dewan Rakyat mahu pun Ahli Dewan Negara. Kadangkala memerlukan tambahan, dan kadangkala mengambil

tempat yang dikosongkan oleh peserta awal yang tidak dapat beserta disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Pada hakikatnya, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara di Malaysia memang di antara ahli-ahli Parlimen yang sering membuat lawatan-lawatan keluar negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin Karno juga telah membangkitkan beberapa perkara menyentuh Bangunan Parlimen Malaysia. Dalam hal ini, pihak Jabatan Parlimen sedang meningkatkan Bangunan Parlimen, dan di antaranya pengubahsuaian kantin dan ruang-ruang pejabat, pembinaan Dewan Serbaguna, pembaikan semua tandas-tandas yang terdapat di Dewan Parlimen supaya selesa Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuang perkara yang perlu dibuang, meningkatkan perpustakaan, membaiki bumbung yang bocor. Di samping itu, beberapa pembaikan yang lain akan dibuat dari masa ke semasa berdasarkan kepada peruntukan yang diperolehi kelak. Memanglah kita berhajat supaya Dewan kita ini bukan sahaja selesa digunakan oleh kita, tetapi selesa digunakan oleh pelawat-pelawat yang sentiasa datang melawat Bangunan Parlimen ini.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Dato' Ibrahim Ali, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali, Yang Berhormat Tuan Ding Seling dan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin Karno telah menyentuh mengenai peruntukan bagi Ahli Dewan Negara sebanyak RM100 ribu bagi satu penggal yang telah diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini. Peruntukan ini adalah merupakan untuk projek-projek kecil yang akan dilaksanakan oleh pejabat-pejabat daerah yang berkenaan melalui cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Projek-projek kecil ini mestilah memberi faedah kepada orang ramai dan bukannya kepada pihak individu dan badan-badan politik. Pada kebiasaannya, projek ini dilaksanakan oleh pejabat-pejabat daerah mengikut peraturan-peraturan kewangan dan lain-lain peraturan yang ditetapkan. Perkara ini perlu dilakukan bagi memastikan supaya projek tersebut dibuat mengikut kelulusan yang ditentukan.

Menyentuh pemberian kepada pihak yang diluluskan melalui cek, ianya bergantung kepada peraturan-peraturan yang sedia ada. Kalau ada keperluan yang amat sangat, pihak ICU ataupun Pejabat Kemajuan Negeri boleh dirundingkan supaya mereka mengeluarkan cek merupakan outright grant diberikan kepada mana-mana tempat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, tetapi tidak kesemua.

Di samping itu, cadangan supaya peruntukan ini ditambah lagi, sukalah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa ianya akan dipertimbangkan oleh kerajaan dari masa ke semasa,

terpulanglah kepada kedudukan ekonomi negara. Insya-Allah kalau kita memberikan perkhidmatan yang baik kepada negara, hasil negara bertambah, maka tidaklah menjadi keberatan kerajaan kerajaan untuk memikirkan perkara ini. Tetapi hakikatnya selain daripada projek kecil yang terdapat, projek-projek besar yang kita laksanakan adalah dirancang oleh pihak pejabat daerah dan juga pihak negeri. Pihak kita sendiri, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi cadangan kepada mereka untuk menentukan projek-projek itu boleh dibuat. Jadi, bukan sahaja kita memperolehi projek kecil sebagaimana yang kita dapat, tetapi sebenarnya banyak lagi projek-projek besar yang jumlah harganya tinggi yang dapat di kawasan-kawasan kita dan di lain-lain kawasan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempoh jawatan bagi Ahli Dewan Negara yang ditentukan satu penggal tiga tahun, setakat ini kita kekal mengikut Perlembagaan, Fasal 46, kalau saya tidak silap, ditetapkan. Jadi, kalau perubahan yang hendak dibuat, mestilah juga perlembagaan ini akan diubah. Jadi, perkara ini bukan mustahil, perkara ini boleh berubah, kerana alam ini sentiasa berubah, kerana kita ini baharu. [*sambil membaca kata-kata hukama' di dalam bahasa Arab*] Ini mantik, “tiap-tiap yang baru itu berubah.”

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya dapat jawab kali ini. Mana-mana perkara yang tidak saya jawab, kita catatkan dan kita cuba untuk sama-sama menyelesaikan. Masalah rombongan hendak berjumpa PM dan TPM ini adalah hak masing-masing, tidak siapa yang boleh menghalang. Tetapi pada hakikatnya, apabila kita membuat perancangan untuk menaikkan elaun-elaun ini, kita sentiasa bersama mengemukakan perkara ini untuk dua Dewan ini, Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah Ahmad untuk menguruskan mesyuarat.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *menguruskan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.43 ptg.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996 dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 ialah undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan bagi pekerja badan berkanun dan kuasa tempatan. Akta berkenaan telah berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1976.

Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996 yang dicadangkan ini bertujuan untuk meminda subseksyen 6A(4) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 bagi membolehkan pembayaran pencen yang layak dibayar kepada mana-mana pekerja yang telah bersara tetapi dilantik semula sebagai pekerja tetap sesuatu pihak berkuasa badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan digantung selama tempoh lantikan semula itu. Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan tindakan tertentu dibuat oleh menteri di bawah seksyen 26 akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan undang-undang sekarang membenarkan penggantungan pencen selagi seseorang pesara dilantik semula secara tetap, tetapi beliau terlepas daripada penggantungan tersebut sekiranya beliau membuat pilihan untuk memasuki skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Untuk meneruskan penggantungan pencen ke atas golongan ini selepas mereka memasuki skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, subseksyen 6A(4) perlulah dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Haji Hassan Ali.

4.47 ptg.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta maaf sekiranya teguran saya ini menyinggung. Saya terasa amat dukacita apabila akta ini dikemukakan, penyokong pihak kerajaan terpaksa ditunggu untuk menyokong akta ini dan saya harap peristiwa seperti ini tidak akan berulang, dengan cara ini mencemarkan Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan bersama-sama membincangkan akta pencen ini. Sebagai memperingati, mengenang jasa kakitangan kerajaan yang menyumbang tenaga dan khidmat bakti mereka kepada kerajaan, badan berkanun ataupun penguasa tempatan. Kita pernah dengar dan lihat peristiwa-peristiwa yang berlaku di mana terdapat kakitangan kerajaan yang menemui kemalangan sewaktu menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Ada di antara mereka yang meninggal dunia dengan kemalangan itu dan ada di antaranya yang tidak upaya atau hilang upaya. Mereka ini tidak mendapat ganjaran dan pembelaan yang setimpalnya sedangkan kemalangan yang berlaku ini sewaktu mereka menjalankan tugas yang diamanahkan.

Amatlah patut dan wajar sekali pihak kerajaan menimbangkan supaya pencen sekiranya penjawat jawatan ini menemui kemalangan sewaktu menjalankan tugas mereka, maka hendaklah kerajaan membayar pencen. Kalau dia meninggal dunia, dibayar pencen kepada isteri atau warisnya mengikut gaji maksimum jawatan, bukan gaji penjawat sewaktu berlakunya kemalangan ini. Sebagai contoh, kalaulah ia ini menjawat jawatan pemandu, gaji maksimum pemandu RM700, maka pencen

dibayar mengikut gaji maksimum. Sebab dalam dua, tiga bulan yang lepas kita telah melihat seorang mangsa iaitu pemandu ambulans yang menemui kemalangan yang hilang upaya, dia terpaksa diberhentikan kerana tidak berupaya menjalankan tugas sebagai pemandu tetapi dapatlah pencen mengikut gaji penjawat sewaktu ianya berlaku kemalangan.

Maka, pencen yang diterima adalah amat kecil sekali. Tidak dapat menyara hidupnya, tidak dapat menyara kos perubatannya dan tidak dapat menyara orang yang membantu untuk meringankan hidupnya. Sebagai mengenang jasa dan budi penjawat jawatan itu amatlah wajar pencen bagi kakitangan yang menerima kemalangan kerana tugas, maka ianya hendaklah diberikan pencen maksimum, satu perdua daripada jumlah gaji jawatan yang disandangnya.

Kita mesti faham, lebih-lebih lagi orang yang mendapat kemalangan ini ialah daripada golongan pekerja sokongan. Pencennya tidaklah seberapa, kalau kita tidak memberi pemerhatian, maka melaratlah hidup mereka. Sanggupkah kita melihat, sanggupkah kita mendengar seksanya hidup mereka padahal mereka ini mendapat kemalangan sewaktu ianya menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk negara. Sebab itu, saya harapkan Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengkaji sebab bagi saya barang siapa yang sama-sama merasa peritnya hidup orang lain, insya-Allah, Tuhan akan menjauhi keperitan dalam hidupnya.

Saya suka juga menyentuh tentang janda-janda yang masih muda yang mana suami-suaminya telah meninggal, pencennya tidaklah seberapa, mempunyai tanggungjawab dan anak-anak yang ramai. Apabila kahwin, hilanglah pencennya. Alangkah seksanya hidup mereka ini! Saya harap Dato' Mat seorang yang beriman, hayatilah renungilah penderitaan janda-janda muda ini. Kerana sayangkan pencen ini, demi untuk boleh memelihara anak-anak yang ditinggalkan terpaksa mereka berkorban tidak kahwin sampai ke tua, seksanya hidup mereka. Saya seminggu datang ke Kuala Lumpur ini menggeletar dada saya, pening kepala darah naik ke kepala, inikan pula mereka yang masih muda, kita seksa mereka, ini tidaklah kena.

Maka, saya harap sekiranya mereka berkahwin pencen ini tidaklah hilang. Kita kenanglah jasa mereka yang mati pencen ini untuk jandanya dan anak-anaknya. Jadi, saya hairan apabila disebut janda, maka ramai orang tersenyum. Yang sebenarnya pandangan saya pandangan ikhlas lebih-lebih lagi kalau bekas pekerja ini yang meninggal terdiri daripada golongan pekerja sokongan, pencennya

tidaklah seberapa, lebih-lebih lagi kalau mereka ini bekerja dalam masa yang singkat tetapi janda-janda muda ini terpaksa berkorban hidupnya demi untuk melihat anak-anaknya berjaya kerana dengan pencen itulah mereka dapat menyara hidup mereka sekeluarga.

Sebab itu saya harap sekiranya pihak kerajaan dapat meminda Akta Pencen supaya mana-mana janda yang berkahwin, pencennya tidaklah hilang, boleh diteruskan mengikut kaedah-kaedah yang tertentu. Kita kena faham bahawa dalam hidup kita ini kita memerlukan teman, apabila kita ada teman adalah tempat kita berbincang, tempat sama-sama bantu membantu dalam meneruskan hidup kita. Sebab itulah, saya sama-sama mengambil masa untuk bercakap tentang soal ini supaya mata untuk melihat orang yang pernah menjadi mangsa ini dapat diberi pemerhatian, pertimbangan dan perlaksanaan yang sewajarnya supaya mereka ini dapat menikmati penghidupan yang lebih harmoni bahagia.

Dengan ini saya menyokong akta ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput seorang menteri untuk mengemukakan satu usul di Dewan yang mulia ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam”.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:-

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK
BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 1996**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Sekarang saya buka untuk perbahasan. Yang Berhormat Hajah Zaleha.

4.57 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan mengenai suatu akta meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi ruang kepada saya membahaskan akta yang telah pun dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi.

Saya ingin menyentuh hanyalah dalam satu perkara sahaja iaitu mengenai permasalahan yang dihadapi oleh ramai daripada pegawai-pegawai kerajaan ialah mengenai kelambatan proses untuk melaksanakan pencen ini kerana terlampau birokrasi yang perlu dilalui. Apa yang telah saya difahamkan masalah kelambatan ini banyak perkara yang menghalangi untuk penerusan dari segi melaksanakan proses pencen.

Yang menjadi masalahnya ialah kalau yang berlaku penerimaan pencen ini kepada mereka yang kematian suami. Bila kelambatan pencen ini berlaku, mereka menghadapi penderitaan hidup terutama dalam memelihara anak-anak dan sebagainya. Ada setengah daripada mereka terpaksa mengambil masa sampai setahun sedangkan ini adalah merupakan tanggungjawab terutama kita pihak kerajaan dalam memberi bantuan kepada isteri-isteri pegawai-pegawai kerajaan yang telah pun meninggal dan memerlukan kepada penerimaan pencen.

Dalam Al-Quran sendiri, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Allah menekankan kepada kita ialah mengenai suatu ayat yang berbunyi "*Ara ai tallazi yukazzibu biddin, fazalikallazi yadu 'ulyatim*" ertinya, "*Tahukah kita tentang pendustaan kepada agama mereka yang mendustakan agama itu diantaranya ialah mereka yang tidak memberi makan kepada anak-anak yatim*". Maka, saya kira perkara ini terlibat sekiranya berlaku kelambatan bagi pihak pemprosesan pencen kepada pegawai-pegawai kerajaan terutama yang telah meninggal dunia. Kepada mereka yang tidak meninggal dunia sendiri pun, oleh kerana usia mereka yang sudah terlibat sampai 55 tahun, maka mereka juga memerlukan bantuan pencen yang segera.

Jadi, saya mengharapkan kepada pihak kerajaan supaya mengambil suatu inisiatif untuk melihat secara langsung kepada pemprosesan pencen ini, apakah bentuk dan caranya yang boleh

mempercepatkan kepada proses pencen yang diterima oleh pihak-pihak mereka yang telah pun melalui zaman pencen.

Di samping itu juga, dalam melaksanakan proses pencen ini, ada juga yang tidak baiknya iaitu pemberian borang pencen yang terlalu awal. Saya dapati ada di antara pegawai kerajaan apabila mereka menerima borang pencen yang terlalu awal, ia menghilangkan rasa kesungguhan ataupun produktiviti mereka kepada pekerjaan dan kerjaya mereka sendiri.

Saya tidak faham mengapa borang pencen ini diberi setahun awal daripada pemberhentian ataupun masa mereka melalui proses pencen. Apakah kerana keadaan-keadaan tertentu yang menyusahkan kepada pihak pelaksanaan ini untuk melaksanakan pemberian pencen, maka borang-borang pencen ini terpaksa diberi terlalu awal? Saya mencadangkan supaya borang-borang pencen yang hendak diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan hendaklah diberi sekurang-kurangnya beberapa bulan sebelum mereka melalui tarikh pencen mereka supaya ini tidak menimbulkan rasa kemalasan ataupun rasa hilang minat mereka untuk melaksanakan kerjaya mereka.

Di samping itu, saya juga sebelum Yang Berhormat Tuan Hassan menyentuh mengenai pemotongan ataupun lebih jelas kita kata memberhentikan pencen kepada balu-balu yang telah pun mendirikan rumah tangga semula. Perkara ini pernah saya sebut di satu sesi dalam masa perbahasan mengenai Akta Pencen juga di Dewan yang mulia ini, iaitu apabila seseorang balu telah pun mendirikan rumah tangga, maka mereka telah pun

secara automatik dipotong ataupun diberhentikan pemberian pencen oleh pihak kerajaan.

Dengan ini, dengan secara langsung kita boleh menghalang seseorang yang akan melakukan sesuatu perkara yang baik iaitu untuk mendirikan rumah tangga. Walaupun begitu, saya nampak mungkin kerajaan tidak dapat melaksanakan ini kerana untuk memberi perlindungan kepada para isteri atau para balu dan juga kepada anak-anak yatim yang ditinggalkan. Mungkin kerana setelah mendirikan rumah tangga, kemungkinan berlaku penindasan daripada pihak suami yang baru sahaja dikahwini.

Walaupun begitu, pihak kerajaan boleh mengadakan suatu perlindungan ataupun suatu peraturan yang boleh melindungi para balu yang akan mendirikan rumah tangga setelah dia menerima pencen daripada suami mereka yang telah meninggal dunia. Tetapi kalau sekiranya ia diberhentikan terus, maka ini akan menyebabkan kita menghalang ataupun boleh juga dikatakan bahawa kerajaan menghalang mereka untuk mendirikan rumah tangga, terutama kepada para balu yang masih muda dan dengan secara tidak langsung kita telah memberi suatu tekanan kepada jiwa ataupun psikologi kepada para isteri yang suaminya telah pun meninggal dunia.

Inilah beberapa perkara yang hendak saya perkatakan di Dewan yang mulia ini mengenai Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan di dalam pindaan ini.

Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.04 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hanya ada tiga perkara yang ingin saya sentuh untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah membuat pindaan undang-undang ini yang amat bersesuaian dan bertepatan untuk kita memberi insentif kepada mereka yang telah bersara untuk kembali berkhidmat dengan kerajaan atau mana-mana dengan sekali gus tanpa ianya rugi atau kehilangan pencennya, malah ianya akan terus mendapat pencen setelah dia habis perkhidmatan yang disambung ataupun yang dimulakan dengan majikan baru.

Yang keduanya ialah mengenai sistem pencen di negara ini di mana ia adalah merupakan salah satu daripada elemen yang dapat mewujudkan teras Wawasan 2020 iaitu masyarakat penyayang. Memang kita dapati bahawa dengan adanya pencen-pencen ini, kebajikan mereka yang telah berkhidmat akan terus dapat terjaga dan terjamin dan dalam masa yang sama kita tidak mewujudkan sistem kebajikan sepertimana yang diwujudkan di negara-negara Barat hinggakan bila hendak diubah sistem yang ada daripada welfare, dengan

izin, kepada workfare, ianya menjadi masalah sepertimana yang dilaporkan di dalam majalah *Economies* baru-baru ini di New York.

Walau bagaimanapun, maklumat yang telah saya perolehi dan apa yang saya telah baca mengenai pencen ini ialah yang kita tahu sumber pembayaran pencen ialah daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan dan kita dapati bahawa dari tahun ke tahun, bertambahnya mereka yang mendapat pencen daripada mereka yang ditamatkan pencen kerana kematian, kerana kadar hayat penerima pencen telah bertambah daripada 19 tahun dari tahun 1970 kepada 23 tahun dalam tahun 1985 dan dijangka akan terus bertambah.

Kita dapati juga kos pencen yang perlu ditanggung oleh kerajaan dijangka akan meningkat daripada RM1.57 bilion kepada RM7.4 bilion tahun 2020. Dalam konteks ini, saya merasakan kita perlu melihat kembali kepada sistem pencen ini kerana wang yang digunakan ialah daripada wang sumbangan atau sumber yang dikutip daripada pendapatan kerajaan yang disatukan di bawah Kumpulan Wang Disatukan dan dalam konteks ini mungkin perlu kita melihat kepada sumbangan yang mungkin perlu juga difikirkan dibuat oleh pekerja yang pekerja di dalam perkhidmatan awam.

Kita dapati bahawa dalam sistem EPF, wang yang diberi balik ataupun apa yang boleh diperolehi oleh seorang pekerja yang mungkin telah tamat kerjanya dan telah matang tempoh EPFnya ialah wang daripada sumbangannya dan sumbangan majikan. Mungkin pihak kerajaan dapat memikirkan bahawa

pihak pegawai perkhidmatan kerajaan juga boleh memberikan sumbangan mereka untuk pencen yang akan diperolehi dengan cara formula apabila elaun (gaji) atau tambahan yang akan difikirkan akan diberi kepada pegawai kerajaan ataupun mereka yang berkhidmat di dalam perkhidmatan kerajaan yang akan mendapat pencen boleh dijadikan satu sumbangan daripada pihak pekerja dengan cara diperuntukkan elaun untuk sumbangan pencen, sama ada dengan cara memasukkan elemen insurans ataupun ianya merupakan elaun khas yang berbentuk untuk sumbangan waktu pencen. Ini saya fikir mungkin pihak kerajaan dapat memikirkan sesuatu cara agar kita sama-sama dapat meringankan beban wang pencen yang dikatakan akan bertambah dari setahun ke setahun.

Yang ketiga ialah mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang lain, terutama mengenai wanita yang menjadi balu dan memilih untuk tidak berkahwin lagi kerana sayangkan pencennya. Masalah ini sebenarnya memanglah masalah lama. Banyak rintihan daripada wanita-wanita di negeri-negeri dalam Malaysia ini yang pernah saya jumpa dan ada juga mereka yang merungut mengatakan bahawa ada yang sanggup hidup dalam keadaan yang melanggar hukum-hukum Tuhan kerana tidak mahu hilang pencennya.

Memandangkan ini adalah satu masalah sosial yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan, mungkin kerajaan boleh menimbangkan jikalau

seorang isteri atau janda yang berkahwin pencennya dipotong 50% dan tidak langsung ditarik balik pencennya.

Yang keduanya, dari aspek penerima pensen ini, ada keluhan tentang potongan 20% yang dikenakan kepada mereka yang menerima pensen. Ada yang telah mencadangkan mungkin kalau dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan supaya mereka yang mendapat tidak lebih daripada RM300 pensen mereka tidak dikenakan potongan 20% itu sebab adalah menyalahi falsafah pensen itu iaitu untuk membantu seseorang itu menyara hidupnya jikalau dia hanya mendapat sekadar kurang daripada RM300.

Dan kita juga tahu bahawa kenaikan pensen juga dibuat kerana memandangkan kos hidup yang makin meningkat. Jadi, pastinya ialah kalau dipotong juga maka ianya akan menyebabkan kesengsaraan kepada yang menerima.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ialah saya kurang pasti mungkin perlu mendapat penjelasan dari pihak kementerian sama ada suami yang mendapat pensen daripada kematian isteri yang bekerja kalau ianya berkahwin, adakah pencennya juga diberhentikan? Jika ia atau tidak, kita mengharapkan keadilan dari segi sama ada dia perempuan atau lelaki perlulah ianya mendapat treatment, dengan izin, yang sama.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid
5.15 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan satu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

Saya juga telah mengikuti sebanyak sedikit rakan-rakan tadi yang telah bercakap berhubung dengan keluhan mereka yang akan menerima pencen. Ada pesara-pesara ini merungut lambat sangat mendapat pencen setelah ia sampai masa berpencen. Kebetulannya pada hari ini dalam *Utusan Malaysia*, saya ada potongan iaitu keluhan seorang yang menulis kepada surat khabar dengan bernama Pesara Muda, Shah Alam, Selangor.

Dia mengatakan bahawa beliau sungguh-sungguh berharap supaya bayaran pencennya dapat diterima pada akhir tahun ini. Beliau juga telah menulis surat kepada pihak yang berkenaan kepada pihak JPA tetapi malangnya surat yang telah dihantar tidak ada apa-apa jawapan. Sehubungan dengan itu, ada rakan yang sama bersaing pencen tetapi telah menerima waran selama sehingga bulan Mei tahun ini, jadi ada perbezaan antara satu dengan lain.

Seolah-olah ada diskriminasi perbezaan sedangkan penulis surat khabar ini bahawa beliau berharap sangat kerana wang itu untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka. Jadi, keluhan yang serupa inilah yang patut pihak kerajaan mengambil perhatian yang serius kerana tugas mereka daripada

mula bertugas sehingga pencen dan bila pencen hak mereka kita lambatkan, kita abaikan. Betapa hal, mungkin pesara ini tidak ada pendapatan yang lain atau punca yang lain misalnya, kalau ada harta yang lain atau perniagaan dan sebagainya.

Jadi, harapan beliau itu kalau dibaca surat khabar ini terasa hampa sangat kerana hendak mengharap wang persekolahan anaknya. Jadi, oleh yang demikian, kita harap proses bagi penerima pencen ini patut lebih diutamakan. Saya rasa perkara ini bukan perkara yang baru, jabatan ini bukan jabatan yang baru, sudah banyak mempunyai pengalaman. Tentulah ada perubahan yang patut cara mana untuk mempercepatkan bayaran pencen tersebut.

Jadi, keluhan yang serupa ini mungkin ada yang tidak menulis dalam surat khabar, tidak biasa ataupun tidak reti, tidak mahu menulis tetapi ini telah pun ditulis secara sendiri yang menggunakan nama Pesara Muda, Shah Alam, Selangor. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang dapat saya sampaikan keluhan selain daripada potongan surat khabar yang saya katakan tadi. Saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

5.15 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk memberikan pandangan dan seterusnya

menyokong Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah apabila pihak-pihak yang menggubal undang-undang ini telah pun memikirkan bahawa diberikan kuasa kepada menteri untuk menggantung pencen yang sepatutnya dibayar kepada mereka yang bersara kepada pihak-pihak berkuasa berkanun dan juga kerajaan tempatan jika seseorang itu dilantik semula ke suatu jabatan ataupun pihak berkuasa ataupun badan-badan berkuasa berkanun.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cuba dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian kerana di dalam menggubal undang-undang ini, mungkin pihak yang menggubalnya memikirkan bahawa seseorang yang berpencen itu apabila bertugas semula kemungkinannya pihak yang menggubal undang-undang ini memikirkan beliau itu mendapat gaji yang lebih daripada apa yang didapatinya sebelum seseorang itu berpencen.

Contohnya, kalaulah seseorang itu dengan gaji semasa sebelum berpencen hanya mendapat katakan RM3,000, sebulan lepas itu kira pencen setengah daripada gaji mungkin dia akan dapat RM1,500 sebulan. Tetapi apabila bekerja balik kemungkinannya seseorang itu tidak mendapat RM3,000 sebulan kemungkinannya dia hanya mendapat RM1,000 ataupun RM1,500 sebulan.

Jadi, dalam konteks ini bermakna beliau itu akan mendapat pendapatan yang kurang daripada apa yang sebelum seseorang itu berpencen mungkin dari segi pengiraannya semasa dia hendak bekerja balik dia menjangkakan dia akan mendapat pencen RM1,500 lepas itu tambah pula gaji kerana bekerja semula dengan badan berkanun yang lain ataupun pihak berkuasa yang lain akan dapat balik gaji RM1,500 dapat balik RM3,000.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, adakah pihak kementerian juga akan berkuatkuasa undang-undang ini akan digunakan di mana seseorang itu akan mendapat pendapatan take-home pay, dengan izin, akan berkurangan kerana pencennya akan ditolak ataupun akan digantung oleh pihak-pihak menteri.

Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian akan dapat memikirkan keadaan-keadaan yang sedemikian kerana saya tahu apabila penggubalan undang-undang ini dibuat, kita hanya memikirkan soal seolah-olah seorang yang berpencen itu apabila bekerja balik dia akan mendapat gaji yang lebih atau sekurang-kurangnya sama dengan gaji sebelum seseorang itu berpencen.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Puan Kamalia telah pun menimbulkan soal memang kita tahu apabila seorang suami meninggal isterinya akan dapat pencen, ini memang telah pun termaktub. Saya tidak tahulah, saya hendak dapatkan juga penjelasan sama ada seseorang yang kalau isteri meninggal, adakah suaminya akan dapat pencen?

Kalau dia ada lebih daripada satu isteri, adakah dia pun akan dapat juga pencen untuk dua ataupun tiga isteri yang dia ada? Saya tidak bercakap bagi

pihak diri saya. *[Ketawa]* Begitu juga dengan, tidak perkara ini bukan perkara untuk kita gelak ataupun sebagainya tetapi ini satu hakikat yang kita kena terima keadaan kerana satu hari besok mahu tak mahu kita akan berhadapan dengan keadaan-keadaan yang seperti ini. Jadi, apa ruling kerajaan mengenai keadaan-keadaan yang seperti ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

5.20 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahas secara ringkas sahaja berkenaan dengan pindaan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Pecen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah pindaan yang ringkas sahaja, cuma keraguan masih lagi timbul seperti yang Yang Berhormat Datuk Rahim sebut tadi, sama ada ianya melibatkan pegawai daripada sektor lain yang berhenti dengan mendapat pencen dan bila hendak memohon bekerja semula di sebuah jabatan di bawah pihak berkuasa berkanun, itu pun perlu dijelaskan oleh pihak kerajaan.

Apa yang ingin saya sebutkan ialah berkenaan dengan tempoh penggantungan yang diberi kuasa kepada menteri itu ialah apabila pegawai yang bersara itu bekerja semula, maka pencen yang diperolehi itu tergantung sementara.

Tetapi perlu diingatkan, kalau sekiranya pencen yang didapati itu katakanlah macam contoh Datuk Rahim sebut tadi, gaji pada masa dia bekerja ialah RM3,000, dia dapat pencen tengah RM2,000 dan apabila dia bekerja semula gaji yang didapatinya mungkin tengah RM2,000 kalau kita campur kedua-dua itu baru sama dengan gaji semasa dia bekerja penuh, adakah pencen itu pun hendak digantung? Ini harus diambil kira, sebab kita beri kuasa kepada menteri. Kalau sekiranya dia tidak boleh dapat gaji sama dengan semasa dia bekerja sepenuh pekerjaan asalnya, adakah perlu digantung? Harus diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak sebutkan di sini, kalau amalan ini dibuat dalam sektor berkanun, apakah amalan yang sama harus difikirkan untuk sektor lain? Kerana ianya akan menimbulkan keadaan yang tidak puas hati kepada sektor tersebut. Kalau perkara ini berlaku sudah tentulah ianya tidak menimbulkan keadaan yang sihat bagi seluruh rakyat di negara ini dan sudah tentu ianya tidak menjadi suatu insentif kepada orang-orang yang bersara hendak bekerja semula. Kita tahu sekarang ini kerajaan menghadapi banyak masalah dari segi hendak mengambil pekerja yang berpengalaman.

Oleh yang demikian, apabila kita hendak melibatkan pegawai yang telah bersara untuk bekerja semula, hendaklah diwujudkan suatu skim yang memberi

suatu insentif kepada mereka, sebab kita hendak gunakan perkhidmatan mereka ini. Oleh sebab itu, kerajaan tidak harus mengetepikan unsur-unsur ini.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.

5.23 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin membahaskannya dengan secara ringkas sahaja. Yang pertamanya, menyentuh mengenai kemudahan pencen bagi mereka yang membuat pilihan untuk memilih KWSP. Dalam masa Soal Jawab Mulut tadi, kita telah mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai kemudahan yang diberi kepada mereka yang bersara tetapi bukan memilih pencen tetapi memilih KWSP sebagai ganjaran bagi persaraan mereka.

Apa yang saya difahamkan oleh mereka yang membuat pemilihan KWSP ialah apabila mereka telah bersara, mereka tidak dapat untuk menikmati kemudahan hospital dan sebagainya. Saya berpendapat kemungkinan pegawai

yang memilih untuk terus mencarum di dalam KWSP tidak sedar bahawa apabila mereka bersara, mereka tidak mendapat kemudahan hospital kerana kita tahu umur bagi mereka berpencen adalah umur yang agak lewat, 55 tahun bagi lelaki dan 50 tahun bagi wanita. Dalam umur yang sedemikian, bukan sahaja kita memerlukan kewangan, tetapi kita memerlukan kemudahan perubatan dalam usia yang agak lewat itu.

Oleh yang demikian, saya ingin sekali lagi mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagi mereka yang memilih KWSP, adakah pihak kementerian akan menganjurkan atau memikirkan semula dari segi perkhidmatan dan juga kemudahan hospital yang akan mereka dapati?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, ialah pencen bagi isteri. Kita tadi dimaklumkan apabila seseorang lelaki berkahwin, kalau dia ada satu isteri, dia mendapat satu pencen kalau sekiranya isterinya meninggal. Kalau dia mempunyai isteri yang lebih, kemungkinan, dan saya difahamkan tadi dia akan mendapat pencen yang lebih. Maksudnya kalau dua isteri, dia akan mendapat dua pencen, sekiranya kedua-dua isterinya meninggal.

Apa yang saya faham apabila seorang isteri kematian suami, dia mendapat pencen, tetapi apabila ia berkahwin maka pencen ini dia tidak lagi berkelayakan untuk menikmati pencen suami yang telah meninggal. Oleh itu, saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, di

sini kita nampak ada ketidakadilan dari segi peraturan yang telah pun diwujudkan di negara kita.

Kita inginlah bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian menyedari perkara ini, saya kira perkara ini bukan sahaja dibangkitkan di Dewan ini tetapi telah beberapa kali dibangkitkan oleh persatuan wanita di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ada satu kes yang saya mendapat maklumat, apabila suami meninggal seorang isteri yang telah pun suaminya meninggal tidak mendapat pencen kerana suaminya telah berkahwin di luar pengetahuan isteri yang berkenaan. Apabila isteri yang berkenaan memohon supaya ia mendapat pencen suami untuk menanggung anak-anaknya, pihak yang mengendalikan pencen ini telah pun menangguhkan pembayaran pencen sehingga hampir-hampir empat tahun sehingga masa ini, yang mana difahamkan bahawa pencen suami tidak dapat diberikan kepada isteri kerana ada petisyen ataupun ada kompelin daripada isteri muda, yang mana isteri yang pertama sendiri tidak sedar bahawa dia telah dimadukan semasa dalam hidupnya.

Jadi, saya inginlah mendapat maklumat ataupun penjelasan dari pihak kementerian, adakah perkara ini iaitu penangguhan pembayaran pencen ini memakan masa yang begitu panjang sehingga bertahun-tahun. Kita faham seorang isteri, tambahan pula isteri tua sudah tentu dia mempunyai tanggungan

yang banyak. Mungkin perkahwinannya memakan masa yang panjang, sebab itulah dia menjadi isteri yang tua, dia terpaksa menanggung persekolahan anak-anak tanpa mendapat apa-apa saraan daripada pencen suami kerana semasa hidupnya sendiri dia tidak tahu dia dimadukan.

Apabila suami telah meninggal, dia ditimpa satu lagi perkara yang malang di mana beliau tidak dapat pencen kerana mendapat petisyen daripada pihak isteri yang kedua dan pihak kementerian tidak dapat menyelesaikan perkara ini sehingga tertangguh bertahun-tahun.

Saya kira perkara yang begini kalau dapat diatasi segera akan dapat meringankan bebanan isteri yang berkenaan. Saya fikir bukan seorang sahaja yang menghadapi

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan dengan izin, adakah pengalaman ini Yang Berhormat mengalami sendiri? Itu satu.

Yang kedua, adakah kes ini berlaku di kalangan orang Islam sahaja ataupun termasuk yang bukan Islam sama? Kalau orang Islam, adakah ini tidak tertakluk kepada hukum-hukum Syarak dari segi faraid?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih soalan Yang Berhormat tadi. Saya rasa Yang Berhormat begitu mengenali saya, tak mungkin pengalaman saya sendiri. *[Ketawa]*

Bagi yang bukan Islam, saya tidak tahulah bagaimana peraturan bagi mereka yang bukan beragama Islam, maklumat yang saya dapat kerana saya adalah pengerusi persatuan wanita negeri. Jadi, masalah wanita selalu dikemukakan kepada saya dan masalah ini tidak dapat kita selesaikan melalui persatuan wanita kerana ia melibatkan peraturan dan juga melibatkan keputusan daripada pihak yang berkenaan.

Jadi, saya berharaplah supaya saya mendapat penjelasan mengenai masalah yang saya bangkitkan tadi. Sekian, dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1996. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Dijemput pihak menteri menjawab.

5.29 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian ialah Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha binti

Hussin, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, “adik beradik”, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjawab sebaik mungkin untuk penjelasan daripada perbahasan yang kita adakan ini. Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali telah membangkitkan mengenai pencen bersabit dengan kemalangan semasa bertugas. Dalam keadaan persaraan akibat hilang upaya kerana ditimpa kemalangan dalam masa bertugas, pesara akan dibayar dua pencen berasingan iaitu pencen perkhidmatan dan pencen hilang upaya. Walaupun kedua-dua pencen itu berasaskan gaji hakiki jawatan, jumlah kedua-dua pencen itu ada kalanya hampir sama dengan gaji terakhinya. Walau pun begitu ada juga peruntukan pembayaran sagu hati yang dibayar oleh Perbendaharaan Malaysia dalam keadaan-keadaan tertentu.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Ali juga membangkitkan pembayaran pencen kepada janda. Seorang janda tidak berhak menerima apa-apa pencen kerana janda bermakna beliau sudah bercerai dengan pegawai. Janda tidak boleh dapat pencen, sebab janda ini, bekas suaminya masih ada. Yang dapat pencen, suaminya bekerja - mati, barulah dipanggil balu. Jadi, selagi dia menjadi balu dia dapatlah pencen daripada suaminya yang meninggal itu. Yang mendapat pencen ialah balu. Apabila pegawai lelaki meninggal

dunia, meninggalkan isterinya, pencen dibayar mengikut perhitungan berdasarkan formula di bawah Undang-undang Pencen.

Yang Berhormat Hajah Zaleha Hussin membangkitkan kelewatan membayar pencen kepada balu dan juga membangkitkan borang-borang pencen di beri terlalu awal.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini semua pembayaran dibuat dalam tempoh sebulan dari tarikh bahagian Pencen dimaklumkan perihal kematian. Masalahnya ada keluarga-keluarga mengambil masa terlalu lama untuk memaklumkan perihal kematian kepada bahagian Pencen. Itu di antaranya. Borang-borang pencen dimajukan setahun sebelum persaraan wajib mengikut umur 55 tahun untuk memberi masa yang mencukupi kepada bakal pesara dan agensinya bagi menguruskan hal-hal perkhidmatan dan hutang piutang. Bagi orang yang hendak pencen, sebenarnya dia tahu umurnya bila hendak pencen. Jarang-jaranglah ia tidak sedar yang ia hendak pencen. Jadi, tidaklah disebabkan kita memberi borang pencen itu awal menyebabkan dia agak malas bekerja, hakikatnya, kalau orang yang rajin bekerja dia tetap rajin bekerja.

Sepatutnya kita bekerja ini mestilah kita mengikut contoh seorang pelumba lari. Makin hampir ke tanda penamat, makin kuat kita pecut, sebab kita mendapat kemenangan dalam perlumbaan itu, tetapi malangnya bagi kita, ramai di antara kita, makin hampir hendak pencen, makin tidak berapa bermaya hendak membuat kerja. Jadi, alasannya memberi borang terlalu awal bukanlah

kerana untuk memberi kepada mereka supaya tidak bekerja kuat, tetapi yang penting kita memberi borang awal ini ialah setelah kita mendapat kajian dan juga mendapat pandangan bahawa apa salahnya kita beri borang ini awal sebab kita boleh menyiapkan borang itu lebih awal sebab ia mempunyai banyak kaitan, mengenai pembayaran pinjamannya, mengenai dengan income-taxnya dan sebagainya yang mesti diselesaikan sebelum pencen boleh dibuat. Kalau kita memberi borang terlalu akhir untuk menyelesaikan benda ini memakan masa sehinggakan orang sudah pencen beberapa lama, tetapi belum selesai. Jadi, kalau dia bekerja di Jabatan itu mudah baginya untuk menyelesaikan borang-borang yang berkenaan. Inilah sebabnya kita memberikan borang lebih awal daripada tahun sebelum pencen.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Hajah Kamalia Hussin membangkitkan juga pembayaran pencen patut diteruskan kepada balu yang kahwin semula, maknanya yang berkahwin lagi. Balu yang berkahwin semula ada pihak yang boleh menanggung nafkahnya.

Puan Kamalia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Biar saya sudahkan dahulu.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Nama saya Kamalia binti Ibrahim.

Dato' Haji Mumahad bin Abdullah: Minta maaf banyak-banyak.

Puan Kamalia binti Ibrahim - minta maaf, sebab saya ini, tadi sudah sebut kerap kali, tetapi kadang-kadang terlupa. Pembayaran pencen patut diteruskan

kepada balu yang kahwin semula. Balu yang kahwin semula ada pihak yang boleh menanggung nafkahnya, sebab itulah kita memutuskan supaya diberhentikan pembayaran pencen kepada balu yang telah berkahwin ini. Saya juga tidak tahu ada kemungkinan kerajaan untuk memikirkan supaya dipotong separuh (50%) - ini kerajaan perlu membuat kajian yang mendalam sama ada perkara ini boleh dilaksanakan atau tidak. Mungkin ia berdasarkan kepada, kalau balu itu muda, cantik, ramai orang tertawan dan kahwin dengan jutawan, tidak perlulah kita beri pencen.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Dato' Haji Mumahad bin Abdulah: Sila.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat, kalau balu itu sudah kahwin, maka dia tidak mendapat pencen. Tetapi balu yang baru kahwin selepas itu dia bercerai balik, boleh atau tidak dia mendapat pencen itu balik?

Dato' Haji Muhamad bin Abdulah: Dia berkahwin dengan pegawai lain, dia bercerai balik, kalau suami itu meninggal dia dapatlah pencen daripada suami yang baru dikahwininya itu. Syaratnya mesti suaminya mati. Kalau bercerai memang tidak dapat. Dia tidak dipanggil balu jika bercerai, dia dipanggil janda.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Maksud saya, dia balu kemudian dia berkahwin, selepas itu dia bercerai balik. Selepas itu boleh atau tidak dia tuntutan pencen suami dahulu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdulah: Ini tidak bolehlah, sebab dia sudah dapat hak lain. Mana boleh dia tuntutan balik hak dahulu. Itu dia.

Mengenai bagaimana dengan duda - duda ini orang lelaki tidak kahwin selepas mati isterinya. Yang kahwin semula adakah pencen diberhentikan? Suami yang menerima pencen selepas kematian isterinya memang diberhentikan pencennya sekiranya beliau kahwin semula - serupa. Kalau ia kahwin semula ia tidak dapat. Serupa juga sebagaimana dengan balu tadi.

Kemudian Yang Berhormat Tuan Haji Majid Baba.....

Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, kata Yang Berhormat tadi, kalau dia sudah menjadi balu ada pencen, tetapi kalau dia kahwin semula, andai kata seseorang ibu muda, mempunyai anak 5 atau 6 orang, masih bersekolah, kemudian dia ada hati hendak kahwin - orang muda, secara halal, tetapi anaknya 5 atau 6 yang masih bersekolah, yang orang muda ini tidaklah kaya pun, ibarat kata kais pagi makan pagi. Jadi, adakah pencen suami pertama dahulu mesti dipotong ataupun ada tinggal separuh dan sebagainya untuk menampung anak-anak sekolah? Kalau dia tidak kahwin dia mendapat pencen tetapi dia hendak kahwin - katalah orang muda. Kalau macam umur saya tidak apalah, kalaulah saya umur 20 tahun tentu saya hendak kahwin lagi, selepas itu anak ramai. Pemuda ini pula terpicat di hati saya tetapi dia ini pula makan pagi cari pagi, makan petang cari petang, jadi, adakah pencen suami saya yang banyak tadi dipotong habis?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Mengikut peraturan apabila balu berkahwin lain, memang pencennya diberhentikan, tidak kira dia muda, tidak kira dia macam mana, tetapi janganlah disebabkan kerana takut pergantungan ataupun takut memberhentikan pencen sanggup kita melakukan benda yang tidak baik - tidak boleh, tetap tidak boleh. Benda yang haram,

benda yang tidak boleh - tidak boleh, tidak ada cara lain yang membolehkan. Ini perlulah kita amati, janganlah mengatakan disebabkan saya sayang kepada pencen suami saya yang lepas, apabila saya kahwin, pencen saya akan diberhentikan, maka sebab itu saya melakukan perkara yang tidak baik - ini adalah tidak boleh, jangan disebabkan kerana itu, maknanya ada cara lain yang boleh difikirkan....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, kalau balu yang masih muda seperti yang disebutkan tadi, memang dia ada keinginan, kita berpendapat dia patut berkahwin secara halal. Adakah peruntukan yang membolehkan pencen itu diberi kepada anak? Kalau ditarik terus saya rasa itu tidak adil.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Saya tidak ingat, ini pencen gantian atau sebagainya. Dia boleh dipindahkan kepada anak dan mengikut bilangan anak. Saya rasa tidak silap jawapan saya ini. Dahulu saya pun berkerja berkenaan dengan hal ini juga, jadi kalau belum diubah lagi masih begitulah. Maknanya pencen ayahnya dapat kepada anak dengan syarat anak itu mestilah belum berumur 18 tahun - begitulah kalau tidak silap saya. Jika saya silap, saya akan beritahu kemudianlah. Tetapi kalau tidak silap saya, umur anak itu mestilah tidak lebih daripada 18 tahun, sama ada pencen terbitan atau

sebagainya - itu saya tidak ingat. Maksudnya boleh pindah kepada anak-anak mereka, kalau rasa loghat sangat atau bimbang sangat anak-anak sekolah dan sebagainya, jadi pencen itu diadilkan kepada anak-anak yang ada dan dia bolehlah berbulan madu semula dengan suami yang baru dikahwini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat, itu kalau ibunya meninggal, tetapi kalau ibunya kahwin, adakah pencen boleh dipindahkan kepada anak? Jawapan Yang Berhormat tadi kalau ibu itu meninggal, bolehlah dipindahkan kepada anak-anak, kalau tidak silap saya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tidak semestinya meninggal, kalau tidak salah ingatan saya, dia boleh dipindahkan kepada anaknya dengan syarat umurnya tidak lebih daripada 18 tahun - itu boleh diberi.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya minta penjelasan secara bertulislah.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kalau saya silap, saya akan membuat jawapan secara bertulis, tetapi kalau saya betul, bermakna saya tidak akan tulis - itu sahaja, kalau saya betul, saya tidak tulis, kalau saya silap atau kalau saya tidak tulis pun saya beritahu kemudian.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, ada kes yang pernah saya lihat, balunya masih hidup lagi, tetapi anak-anaknya mendapat sebahagian daripada pencen itu. Apabila balu itu berkahwin, pencen itu keseluruhannya diserahkan kepada anak-anak, jadi kes ini memang ada berlaku.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Betullah, apa yang saya jawab [*Ketawa*] confirmlah, saya tidak hendak beri jawapan bertulis lagi.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Penjelasan, bermakna benda ini tidak perlu diragu-ragukan lagilah, benda ini memang boleh.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Betullah, hanya style saya menjawab ini kadangkala mungkin saya menjawab tidak tepat, sebab kadangkala mungkin saya tersilap. Saya akui kalau saya tersilap, saya minta maaf, tetapi perkara itu sudah confirmlah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tahu, cuma saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat tahu atau tidak.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Saya tahu, Yang Berhormat tahu, tetapi dia sengaja hendak membuat soalan kepada saya. [*Ketawa*]

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan tambahan untuk penghabisan hari ini. Ini pernah berlaku seorang ibu yang mempunyai anak, tetapi dia berkahwin dan suaminya sudah berumur tinggi. Setelah berbelas tahun dia berkahwin, suaminya meninggal dengan cara kebetulan dapat lagi anak dengan suami yang

berumur tadi, malangnya isteri tidak dapat pencen, kononnya ada Akta Pencen yang kalau suami itu sudah tinggi umurnya pencennya sudah habis. Jadi anak-anak tadi ini pun tidak mendapat sesen pun, kerana suaminya tadi sudah tinggi usianya. Apakah ini tidak boleh dibetulkan atau diperbaiki untuk mendapatkan pencen bagi anak-anak yang masih kecil lagi yang belum bekerja? Itu sahaja.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Memang ada tempoh tertentu, perkara ini akan difikirkan oleh pihak kerajaan pada masa yang akan datang.

Mengenai kelewatan pencen dibayar kepada pesara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Baba, kerajaan memang peka kepada masalah pesara. Ada kalanya pesara sendiri menghadapi masalah dengan agensi-agensi tertentu, perihal hutang-piutang, pinjaman perumahan, pinjaman kereta misalannya dan cukai pendapatan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, masalah-masalah ini boleh melambatkan proses membayar pencen.

Walau bagaimanapun, segala usaha dilakukan untuk mengatasi kelewatan membayar pencen secepat mungkin sentiasa dilaksanakan. Memang dahulu kita mendapat rungutan sebelum kita memberi borang lebih awal, kadangkala memang lama benar, sebab itulah kita telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadi, Alhamdulillah kalaulah ada berlaku satu dua kes sama ada keadaan yang sebenar, perkara itu tidak didapati, kita tidak boleh membuat pembayaran pencen.

Pada keseluruhannya, sekarang ini alhamdulillah kebanyakan usaha pembayaran pencen ini berjalan dengan baik. Dahulu kita menggunakan cek pendahuluan ertinya pihak pencen memberi setahun cek, jadi dia boleh guna dan tidak payahlah dia tunggu surat hendak pergi ambil, dia boleh menunaikan cek itu, apabila tarikhnya sampai maka dia bolehlah pergi ambil. Tetapi ada penipuan pula berlaku, sebab itu sekarang ini pihak pencen memikirkan supaya dimasukkan ke dalam Giro atau buku simpanan masing-masing. Jadi, mereka boleh pergi ke bank dan mereka boleh mengeluarkan duit secara ‘tekan’ atau sebagainya. Oleh itu, bermacam-macam usaha kita telah buat untuk memudahkan dan mempercepatkan supaya pemencen-pemencen atau orang-orang pencen ini mendapat bayaran dengan lebih segera.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail telah menyentuh mengenai bayaran yang dibawa balik (take-home pay) seseorang pesara yang dilantik semula sepatutnya tidak lebih atau kurang ekoran penggantungan pencen yang dicadangkan. Tidak mungkin jumlah saraan iaitu gaji campur imbuhan-imbuhan seorang pesara yang dilantik semula secara tetap itu lebih kurang daripada pencennya. Maknanya apabila mereka mendapat gaji, jumlah saraan iaitu gaji dicampur dengan imbuhan bagi seorang pesara, maknanya dilantik semula secara tetap dengan pencennya itu, maknanya dia tidak kuranglah bahkan dia mendapat lebih daripada pencen yang sepatutnya dia dapat.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah juga menyentuh mengenai isteri yang telah dimadukan.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat,

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya masih memerlukan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat, apa yang saya sebut tadi mengikut Akta pindaan ini diberi kuasa kepada menteri untuk menggantung pencen seseorang itu apabila dia bekerja semula dalam tempoh dia bekerja balik itu. Penggantungan ini seperti yang saya sebut tadi, kalau misalannya dia mendapat pencen RM1,000, gaji lamanya RM2,000, maka dia mendapat pencen RM1,000. Apabila dia bekerja balik katakanlah dia mendapat gaji tidak sampai seperti dia bekerja dahulu, katalah tinggal RM2,000, adakah kerajaan hendak gantung pencennya? Itu yang saya sebut. Tetapi kalau dalam keadaan begini, sepatutnya dipertimbangkan supaya dia mendapat pencen dan sekali dengan gaji kerja baru itu, kecuali dia mendapat gaji lebih daripada masa dia bekerja dahulu RM2,500 - itu munasabahlah.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Dia tidak terletak kepada berapa gaji yang dia dapat bagi jawatan baru, dia letak di sini kalau mendapat jawatan tetap tanpa mengira berapa gaji maka pencen awalnya, pencen dahulunya hendaklah diberhentikan. Tidak ada jadual mengenai berapa gaji

dan berapa pencen. Kalau dia masuk sahaja jawatan tetap, dia akan digantung pencennya tanpa mengira berapa jumlah dia dapat. Itu dia.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah mengenai isteri yang telah dimadukan tanpa pengetahuannya dan tidak dibayar pencen dan pembayaran pencennya dipertikaikan. Masalah-masalah sebegini ini memang dikaji dengan teliti kerana ianya menyentuh hak-hak pelbagai pihak dalam pertikaian. Sebab saya tidak tahu isteri yang dimadukan tanpa pengetahuannya dan tidak dibayar pencen kerana pembayaran pencen dipertikaikan. Kalau keadaannya begini, kita perlu menyasat secara terperinci sebab kadangkala banyak perkara berkaitan yang lain yang mesti kita selesaikan. Jadi, ini perlu kepada semakan yang lebih mendalam. Yang lain-lain saya rasa, itu sahaja saya.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat....

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasanlah daripada Yang Berhormat, saya bersetuju bahawa kes-kes yang sebegini akan disemak oleh jabatan yang berkenaan. Tetapi, tempoh masa lama manakah yang diambil untuk menjalankan semakan?. Saya rasa kalau tempoh sehingga empat atau lima tahun itu terlalu lama bagi seorang isteri untuk menanggung perbelanjaan anak-anak. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Saya tidak ada rujukan kes yang sebenarnya, kalau boleh Yang Berhormat berikan kes yang sebenarnya, boleh kita cuba selesaikan dengan pihak Jabatan Pencen sendiri. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana yang saya tidak jawab kita akan lihat apa yang patut kita ambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal I dan II diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN
EJEN HARTA-TANAH (PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

5.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Penilai dan Pentaksir 1981 (Akta 242) telah mula berkuatkuasa pada Februari 1981. Akta ini digubal bagi membuat peruntukan mengenai perlantikan seorang Ketua Pengarah, Penilaian dan Perkhidmatan Harta selepas ini dipanggil ketua pengarah, pendaftar penilai-penilai dan pentaksir-pentaksir dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kaedah-kaedah Penilai dan Perkhidmatan Harta 1982 yang dibuat di bawah seksyen 8 akta ini, digubal bagi menjalankan tugas dan kuasa-kuasa ketua pengarah telah mula berkuatkuasa pada 1hb. Mac 1982. Manakala kaedah-kaedah Penilai dan Pentaksir 1984 yang digubal di bawah seksyen 32 Akta 242, adalah dibuat bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diberi dan memberi kesan kepada peruntukan akta yang mula berkuatkuasa pada 7hb. September 1984. Dengan berkuatkuasa Akta Penilai dan Pentaksir (Pindaan) 1984 mulai 7hb. September 1984, Akta Penilai dan Pentaksir 1981 telah diperluaskan untuk masukkan kategori Ejen Harta-Tanah dan perkara-perkara yang berkaitan.

Manakala kaedah-kaedah Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1996 yang berkuatkuasa mulai 7hb. September 1984 juga khusus untuk masukkan perkara-perkara yang sama. Akta ini telah memperuntukkan pengiktirafan dan satu rangka kerja bagi profesional penilai, pentaksir dan ejen harta-tanah telah banyak menyumbang ke arah kebajikan pengguna keseluruhan.

Walau bagaimanapun, akta ini mempunyai beberapa kelemahan dan kekurangan seperti berikut:

- (i) definisi ke atas takrifan yang kurang tepat atau kabur;
- (ii) tiada definisi kepada suatu takrif tertentu dan ini telah menimbulkan kekeliruan;

- (iii) penguatkuasaan undang-undang lemah kerana akta sedia ada tidak menyediakan peruntukan kepada mana-mana pihak penguatkuasaan terutamanya pasukan polis untuk penguatkuasaan akta;
- (iv) pihak Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah selepas ini dipanggil 'Lembaga' ini menghadapi masalah dalam mencukupkan kuorum ahli sebanyak 10 orang daripada 14 ahli bagi kes tatertib, memandangkan dua daripada ahli-ahli tersebut akan terlibat dalam penyiasatan awal kes tersebut. Bagi kepentingan keadilan asasi, kedua-dua ahli ini tidak seharusnya hadir semasa perbicaraan rasmi; dan
- (v) fungsi dan kuasa ketua pengarah dan lembaga adalah terhad.

Pindaan yang dicadangkan adalah perlu bagi memperkemaskan dan memperlengkapkan lagi akta ini selaras dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan negara yang sedang pesat berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama yang dicadangkan pada amnya meliputi perkara-perkara berikut:-

Fasal 3 akta ini bertujuan meminda seksyen 2 akta ibu untuk menggantikan takrif tertentu dan untuk masukkan takrif baru yang tertentu bagi ungkapan yang digunakan dalam akta ibu.

Fasal 4 akta ini bertujuan meminda seksyen 4 akta ibu untuk menjelaskan tugas dan fungsi ketua pengarah.

Fasal 5 dan 6 akta ini, masing-masing bertujuan meminda subseksyen 5(2) dan 6(3) akta ibu untuk menambah penalti dalam peruntukan itu daripada denda yang tidak melebihi RM5,000 kepada denda yang tidak melebihi RM10,000.

Fasal 7, akta ini bertujuan meminda Seksyen 9 Akta ibu untuk membentuk semula Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen hartanah dengan menggantikan ahli yang dinamakan oleh Lembaga Juruukur dengan tiga orang penilai berdaftar yang dinamakan oleh Yang di-Pertua Lembaga.

Fasal 8, akta ini bertujuan meminda Seksyen 10 Akta ibu untuk menjelaskan fungsi lembaga. Ia juga bertujuan memasukkan dua fungsi baru, iaitu perlantikan Ahli Lembaga menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang dibentuk bagi apa-apa maksud perhubungan dengan profesion itu, atau dengan mana-mana profesion yang berkaitan dengan dan pinjaman atau mendapatkan

wang untuk membeli atau memajak harta tak alih yang dikehendaki oleh lembaga serta untuk melupuskan harta ini.

Fasal 9, akta ini bertujuan meminda Seksyen 12 Akta Ibu untuk memperuntukkan bahawa denda dan kos yang kena dibayar di bawah akta hendaklah dikreditkan ke dalam kumpulan wang dan untuk memasukkan dua maksud baru yang baginya kumpulan wang itu boleh digunakan.

Fasal 11, akta ini bertujuan meminda Seksyen 14 Akta Ibu untuk menghendaki lembaga menyimpan dan menyenggarakan tiga dasar, iaitu satu dasar penilai, pentaksir dan ejen hartanah, satu dasar penilai percubaan, ejen hartanah percubaan dan satu dasar perumahan.

Fasal 12, akta ini bertujuan memasukkan seksyen baru 15A untuk memperuntukkan bahawa mana-mana penilai pentaksir berdaftar atau ejen hartanah berdaftar yang bercadang menjalankan amalan sebagai penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar di bawah Seksyen 19 Akta Ibu atau sebagai ejen hartanah berdaftar di bawah Seksyen 22B, Akta Ibu, adalah dikehendaki memohon kepada lembaga untuk mendapatkan kuasa untuk menjalankan amalan ini.

Fasal 13, Akta Ibu bertujuan meminda Seksyen 16 Akta Ibu untuk menjelaskan kehendak-kehendak yang berdasarkannya kuasa untuk menjalankan amalan boleh diperbaharui dan untuk menghendaki penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen hartanah berdaftar memberitahu lembaga mengenai apa-apa perubahan dalam pekerjaannya jika ia seorang pekerja dan mengenai apa-apa perubahan nama, alamat perniagaan, perkongsian, pemegangan syer atau pengarah amalnya dan apa-apa perubahan penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen hartanah berdaftar yang menjalankan amalan di bawah pengajiannya atau di bawah pengajian firmannya jika dia bukan seorang pekerja.

Fasal 14, akta ini bertujuan meminda Seksyen 17 Akta Ibu untuk masuk ke suatu pembatasan bahawa seseorang yang merupakan seorang bankrup yang belum dilepaskan tidak berhak didaftarkan sebagai seorang penilai atau pentaksir. Subsyen 4(i)(a) yang dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan bahawa seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan hartanah boleh. Walau bagaimanapun, mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian I, Dasar Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah jika lembaga berpendapat dia sesuai menjalankan amalan yang lain.

Fasal 15, akta ini bertujuan meminda Seksyen 18, Akta Ibu untuk menjelaskan kehendak-kehendak bagi pendaftaran sebagai penilai dan penilai percubaan.

Fasal 16, akta ini bertujuan meminda perenggan 19B, Akta ibu untuk memasukkan pengurusan projek sebagai amalan penilaian.

Fasal 17, akta ini bertujuan meminda Seksyen 21, Akta ibu untuk memperuntukkan bahawa seseorang penilai berdaftar atau pentaksir berdaftar adalah dikehendaki mempunyai kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan di bawah Seksyen 16, Akta ibu sebelum dia boleh menjalankan amalan penilaian. Ia juga bertujuan mengenakan sekatan tambahan atas amalan penilaian.

Fasal 18, akta ini bertujuan meminda Seksyen 22A, Akta Ibu untuk memasukkan satu pembatasan bahawa seseorang yang merupakan seseorang bankrup yang belum dilepaskan tidak berhak didaftarkan sebagai seorang ejen hartanah. Subseksyen 1(a) dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan bahawa seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan penilaian boleh, walau bagaimanapun, mendapatkan namanya dimasukkan di bawah Bahagian III, Daftar Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah jika lembaga berpendapat ia sesuai menjalankan amalan perejean hartanah.

Fasal 19, akta ini bertujuan meminda Seksyen 22B, Akta ibu untuk melarang ejen hartanah berdaftar daripada menjalankan pengurusan harta, melainkan jika dia dibenarkan berbuat demikian oleh lembaga.

Fasal 24 bertujuan meminda Seksyen 22C, Akta ibu untuk memperuntukkan bahawa seseorang ejen hartanah berdaftar adalah dikehendaki mempunyai kuasa untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan di bawah Seksyen 16A, Akta ibu sebelum dia boleh menjalankan amalan perejean hartanah. Ia juga bertujuan mengenakan sekatan tambahan atas amalan perejean hartanah.

Fasal 1, akta ini bertujuan memasukkan Seksyen baru 22D untuk mengadakan peruntukan mengenai kelayakan untuk pendaftaran sebagai ejen hartanah dan ejen hartanah percubaan.

Fasal 23, akta ini bertujuan meminda Seksyen 23, Akta ibu untuk melarang penilai berdaftar, pentaksir berdaftar atau ejen hartanah berdaftar menjalankan amalan penilaian, pentaksiran atau perejean hartanah, melainkan jika dia menjalankan amalan sebagai ketua tuan punya tunggal, perkongsian serta perkongsian, pemegang syer atau pengarah sesuatu pertubuhan perbadanan yang didaftarkan dengan lembaga atau sebagai pekerja ketua punya tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan.

Fasal 24, akta ini bertujuan meminda Seksyen 24, Akta Ibu untuk menjelaskan penalti yang terpakai. Subseksyen 1A yang dicadangkan memberi lembaga kuasa untuk mendapatkan kembali kos proceedings disiplin tidak melebihi RM5,000 sementara subseksyen 2A yang dicadangkan menjelaskan tarikh mula berkuatkuasa kepada satu perintah pergantungan amalan atau pembatalan pendaftaran.

Fasal 25, akta ini bertujuan meminda Seksyen 25, Akta ibu untuk mengadakan alasan bagi pemotongan mana-mana firma dari daftar firma.

Fasal 26, akta ini bertujuan meminda Seksyen 26, Akta ibu untuk memastikan bahawa semua fee, denda dan caj yang belum dijelaskan dibayar, dan semua terma dan syarat-syarat yang dikenakan dipatuhi sebelum kemasukan semula mana-mana orang dalam mana-mana daftar.

Fasal 27, akta ini bertujuan meminda subseksyen 27(1), Akta Ibu untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang kemasukan semula di bawah Seksyen 26, Akta Ibu telah ditolak oleh lembaga boleh merayu kepada Lembaga Rayuan.

Fasal 28, Akta ibu bertujuan meminda Seksyen 28(1), Akta ibu untuk memperuntukkan bahawa dua orang ahli Lembaga Rayuan selain daripada Pengerusi hendaklah dinamakan oleh Pengerusi daripada panel ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Fasal 29, akta ini bertujuan meminda Subseksyen 29(ii), Akta ibu untuk menghendaki yang di-Pertua Lembaga menyediakan dalam masa tiga bulan dari penerimaan notis rayuan, rekod proceeding lembaga dan kenyataan yang menyatakan alasan yang berdasarkannya lembaga mencapai keputusan.

Fasal 30, akta ini bertujuan meminda Seksyen 30, Akta Ibu untuk menjelaskan kesalahan di bawah Akta ibu. Ia juga bertujuan menambah penalti daripada denda tidak melebihi RM5,000 kepada denda tidak melebihi RM25,000 dan dimasukkan penalti hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Fasal 31, akta ini bertujuan meminda memasukkan Seksyen baru 30A, 30B dan 30C. Seksyen 30A memperuntukkan penggeledahan dengan waran sementara. Seksyen 30b memperuntukkan penggeledahan tanpa warran. Seksyen 30C mengadakan peruntukan bagi penyediaan senarai benda yang dicita.

Fasal 32, akta ini bertujuan meminda Seksyen 31, Akta ibu untuk menambah penalti am daripada denda tidak melebihi RM2,000 kepada denda tidak melebihi RM10,000.

Fasal 33, akta ini bertujuan memasukkan seksyen baru 31A untuk merujukkan kekebalan kepada lembaga atau mana-mana ahli lembaga mengenai tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah Akta Ibu atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta Ibu, melainkan jika dilakukan dengan niat jahat.

Pindaan lain yang dicadangkan kepada akta yang tidak disebut secara nyata ialah pindaan yang berkaitan atau kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan kepada akta ini dijangka akan dapat mengatasi beberapa kelemahan dan kekurangan kepada Akta Ibu. Pelaksanaan pindaan akta ini kelak akan dapat memastikan skop seorang penilai, pentaksir dan ejen hartanah dengan lebih tepat. Cadangan pindaan ini juga akan menjamin melindungi hak dan kepentingan orang awam serta Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia daripada pandangan dan tuduhan negatif.

Oleh itu, pindaan yang dicadangkan ini akan memperlengkapkan undang-undang yang sedia ada. Pindaan-pindaan kepada akta ini juga tidak akan menjejaskan pembangunan, dan sebaliknya akan memastikan profesion ini dengan lebih berkesan untuk menentukan tahap profesionalisme yang lebih tinggi. Pindaan juga akan menjamin hanya ejen-ejen bertauliah yang dijalankan amalan perejean dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

6.10 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

Kita semua faham bahawa penilai, pentaksir dan ejen harta-tanah merupakan satu profesion atau kerjaya yang amat penting dalam membangunkan ekonomi negara. Saya teliti akta ini ada kesesuaiannya untuk masa ini, akan tetapi pihak kerajaan seharusnya peka terhadap rang undang-

undang ini. Saya takut walau bagaimana ketat sekalipun kita buat undang-undang, apa yang kita dengar berlaku salahlakunya penilai-penilai ini kerana penilai-penilai ini adalah manusia semacam kita juga. Kita sering terdapat dalam kes mahkamah apabila satu akta dibawa ke mahkamah diminta hukum untuk dilelong, dan apabila dilelong, nilainya amat jauh ke bawah. Apabila siasatan dilakukan bahawa penilai yang berkenaan tidak mentaksirkan nilai tanah ini dengan tepat, bukan kerana pada masa itu pasaran harta turun, tidak, tetapi sebenarnya ada berlaku kesangsian cara dia menilai.

Kita faham tiap-tiap harta tanah dinilai sebelum dicagar kepada bank, diberi kepada penilai yang berlesen. Profesion dia adalah menilai. Dan caj atau fee dikenakan mengikut percent jumlah harta yang dinilai. Kalau lebih tinggi harta itu dinilai, akan lebih baik dia dapat komisen atau caj. Saya rasa berlakulah, hendak katakan penyelewengan, tidak, tetapi kurang tanggungjawab penilai-penilai itu pada masa melakukan kerja dia sewaktu menilai. Pihak bank biasanya dia bukan hendak ambil kira sangat, dia tengok penilai ini profesionnya menilai, dia ada lesen, semua lengkap, tandatangannya lengkap, huraianya lengkap, dia lulus. Katakan RM1.00, dia beri 60 sen atau nilainya macam itu selalunya atau lebih-lebih pun 70 sen. RM1 juta, dia beri RM700,000. Kalau RM10 juta nilainya, dia beri RM7 juta. Akan tetapi apabila bermasalah di dalam perundangan apabila harta ini dibawa ke mahkamah, di situlah timbulnya masalah dan yang menanggung beban itu adalah bank, institusi kewangan kita. Kita dapati perkara ini banyak berlaku. Kita tidak dapat lari daripada perkara ini.

Saya harap pihak kementerian akan lebih peka terhadap gejala-gejala ini. Saya pandang ini gejala jenayah yang paling serius, tetapi saya rasa dia ini pakai kolar putih tetapi perangai dia lebih kotor daripada kolar biru lagi. Jadi, saya anggapkan dia ini penyamun. Ini berlaku terutama di bandar-bandar besar macam Bandar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, harta kadang-kadang dinilai bukan-bukan kerana kalau lebih nilai, dia dapat banyak.

Saya lihat dalam pindaan ini, saya ingin penjelasan dari pihak Setiausaha Parlimen. Dalam seksyen 22A(a)(1),

"(1A) Walau apa pun perenggan (f) subseksyen (1), seseorang yang hilang kelayakan untuk menjalankan amalan penilaian boleh, jika Lembaga berpenapat dia sesuai menjalankan amalan perejeenan harta-tanah, mendapat namanya dimasukkan di bawah Bahagian III Daftar sebagai ejen harta-tanah."

Dari seorang penilai, dia hilang kelayakan, boleh diberi jadi ejen harta-tanah? Dia boleh jual, jadi estet ejen? Dia boleh buat pejabat, itu sudah hilang kelayakan, disqualified, dia boleh buka pejabat lain. Saya ingin penjelasan dari pihak Setiausaha Parlimen.

Dalam perkara yang sama juga, dari ejen harta-tanah tadi, dia hilang kelayakan, dia boleh jadi penilai. Dari penilai, dia hilang kelayakan, dia boleh jadi ejen harta-tanah. Saya bimbang seperti juga lawyer, saya sudah tanya Yang Berhormat Yim Chee Chong, dia kata kalau lawyer sudah corruption, lawyer sudah makan duit pelanggan, dia kata disqualified, disqualifiedlah. Mungkin pada masa itu dia pergi jual kereta secondhand di Seremban, mana tahu, ya? Tetapi bukanlah Yang Berhormat Yim, lawyer lainlah saya maksudkan, dia bersih, *[Ketawa]* fasal orangnya ikhlas, dia selalu bercakap dia pun ikhlas, dia kata, bukanlah maksudkan dia. Jadi, ini apa kurangnya profesion lawyer dengan penilai dan pentaksir? Saya rasa profesionnya cuma berbeza, satu bertugas di bidang perundangan dan satu lagi bertugas di bidang penilaian dan pentaksir, tetapi dia tetap manusia.

Saya bimbang pada masa itu ada pilih kasih. Apabila dia lihat, oh, ini kawan saya, satu universiti, dia sudah kena gantung lesennya, tidak apalah, you datang besok buat permohonan baru, insya-Allah, lembaga mesyuarat dalam dua, tiga minggu besok kita luluskanlah, boleh jadi ejen-ejen harta-tanah. Selepas itu, begitu juga, sahabat lagi seorang ejen harta-tanah, entah macam mana dia songlap, disqualified. Dia masuk balik, boleh pula jadi penilai.

Saya risaulah kalau jenis-jenis yang macam ini diiktiraf, mungkinlah 'musang' kot, dengan izin, ini bukanlah bahasa kasar tetapi orang semacam ini kita iktiraflah sebagai 'musang'. Biarlah kita berhati-hati dalam perkara ini supaya gejala-gejala ini tidak kita heret terlampau panjang ke dalam era ekonomi kita kerana kita perlu orang yang tulus dan ikhlas memberi penilaian.

Saya lihat dalam masa menilai harta-harta yang kecil daripada pekebun-pekebun kecil dan orang-orang kampung, saya ingin membuat teguran sedikit kepada pihak kementerian bahawa kadangkala 6 bulan tidak dapat lagi taksiran itu, ini berlaku. Tidak usah sebutlah pejabatnya di mana, negeri mana, tetapi ini berlaku kerana sekali lagi saya katakan berlaku kepada keluarga saya sendiri. Jadi, saya minta kepada kementerian kalau masukkan ini, kita bayar fees itu, sudah dicop setemnya, berilah timeframe yang rapat sedikit, janganlah sampai jauh sangat. Alasan-alasannya memanglah kadangkala dia kata, dia tidak jumpa harta-tanah yang dimaksudkan itu, dia tidak jumpa rumah yang dimaksudkan itu.

Kadang-kadang maklumlah tanah orang kampung di tengah-tengah padang, di tengah-tengah sawah itu tidak tahu boundarynya, batu sempadannya di mana, dia balik, dia kata tidak jumpa. Apa

salahnya masa itu kalau dia tidak jumpa cari tuan tanah ataupun tidak boleh jumpa juga tuan tanah, pergi ke pejabat tanah, minta kepada Pegawai Penempatan atau orang kampung senang panggil dia sebagai Settlement Officer (S.O.), dengan izin, minta Settlement Officer itu tunjukkan mana tanah itu? Ini berlaku, kadang-kadang sampai 6 bulan. Selepas itu pula, macam-macam masalah di dalam itu tetapi kita orang kampung ini taat kepada undang-undang. Dia suruh undi Barisan Nasional, dia undi. Undi pakcik, undi; undi abang, undi. Tetapi kadangkala bila sampai dinilai lama itu dia merungutlah, apa benda kerajaan ini, dia kata, lama sangat saya tunggu ini!

Jadi, saya rasa untuk meringankan beban orang kampung berilah tempoh dalam sebulan kena siap. Tidak dinilai dalam sebulan itu kita kena bayar cukai setem. Katakan kena RM1,000 pindah milik itu, RM1,000 kenakan atau buat satu skel, daerah mukim ini sekian ribu ringgit harga satu ekar tanah. Katakan mukim Batu, RM1 juta bagi satu ekar. Katakan mukim Selinsing, di sebelah Bagan Serai nun, RM1,000 seekar. Buat satu garis panduan supaya kakitangan Jabatan Penilaian ini dapat memudahkan kerja. Tidaklah mereka pening kepala, haru-biru hendak cari di mana tempat tanah.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat pun kalau kena pergi ke Sekincan, pening hendak cari lot di mana kalau ada pun. Sekincan bukannya kecil, ini baru Sekincan, belum seberang Perak lagi. Seberang Perak dekat tiga, empat ribu ekar yang dibuat, tidak tahu lot kita di mana kecuali tuan tanah itu. Kalau saya sahaja suruh pergi hendak menilai, minta maaf, saya tidak boleh cari lot itu, entah di mana-mana letaknya terutama terjadi dalam keluarga saya, kebun itu pun tidak tahu tempat, dia orang kata jin bertendangkah apa, saya pun tidak tahu macam mana jin boleh bertendang dekat situ, jauh ke hutan. Saya rasa Yang Berhormat Ding Seling tahulah tempat ini. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat minta laluan ya.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, apa itu jin?

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Jin itu hantulah. Kalau tempat hantu bertendang itu saya rasa orang pun tidak mahu pergi, usahkan orang yang menilai itu, orang yang tukang nilai, pentafsir itu pun takut. Itulah dia maksud jin bertendang, dia kira ululah. Ini berlaku tetapi hendak kita marah sangat kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Penilaian tidak boleh juga kerana tempat ini jauh, pedalaman pun kerana usahkan basikal, jalan kaki pun saya ingat sukar hendak masuk, terutamanya hutan, kebun getah tua, lepas itu jalan tidak ada. Kita tidak boleh marah dia.

Itulah saya kata pihak kementerian atau jabatan memikirkan sesuatu yang baik. Kita buat satu jadual kawasan mukim yang mana berpatutan mengikut keadaan nilai semasa, pindahkan tiap-tiap tahun, janganlah nilai itu sepuluh tahun serupa itu juga.

Begitu juga denda tentang kesalahan. Saya ingin membuat teguranlah, akta ini tahun 1981, kesalahannya RM5,000, ini tahun 1996 sudah lima belas tahun, naik RM5,000 sahaja, sedikit ini. Kita timbang baliklah besok bila lain kali bawa besok timbang tambah. Fasal apa, kalau ditakdirkanlah nilai harta itu RM100 juta, dia dapat komisen atau feesnya 1%, situ sudah berapa ratus ribu? Kesalahannya tidak begitu setimpal dengan hukuman yang akan kita letakkan, denda. Itu yang kita sebut macam penyelewengan dalam pembahagian saham dahulu. Dendanya baru beratus ribu, bubuh sepuluh juta, tengok! Bagi rasalah sedikit, bukan hendak rasakan dia, biar bertanggungjawab.

Ini, ada satu ini, RM5,000 naikkan RM25,000; apa salah pada tahun 1981 RM5,000 dinaikkan kepada sepuluh kali ganda? RM5,000 menjadikan RM50,000. Seram sejuk juga penilai, pentaksir itu hendak melakukan kesalahan, dia tengok ini RM50,000. Habis, itu saya rasa bukanlah pada masa ini kita terima, guna pakai dahulu. Pada masa akan datang kita harus meminda supaya setimpal keadaan masa kerana nilai tanah juga, kalau katakan di bandar Kuala Lumpur kalau tahun 1981 dikatakan RM1 juta, siapa kata dua kali ganda dijadikan RM2 juta dalam tahun 1996? Mesti ia beratus kali naik, ikut keadaan semasa.

Saya rasa benda ini ramai yang ambil ringanlah tetapi kita guna pakai dahulu, yang akan datang kita pinda yang lebih berat lagi supaya mereka ini dipertanggungjawabkan keikhlasan mereka amat kita perlukan supaya memberi pentaksiran dan penilaian yang tepat. Tepat dan betul supaya tidak membebankan orang-orang lain, kalau silap bukan sahaja orang yang meminjam, bank pun kena, semua orang pun kena, susah! Jadi, saya rasa itu sahajalah pada petang ini.

Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Sekian. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Ding Seling.

6.25 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya nyatakan dalam perbahasan saya dan seterusnya menyokong rang undang-undang ini adalah sebagai menyuarakan sedikit sebanyak suara rakyat mengenai tanah. Saya sebenarnya tidak tahu menahu mengenai penilaian dan pentaksiran tanah tetapi selalu mendengar rayuan dan keluhan tuan-tuan punya tanah yang membuat complaint, dengan izin, apabila menjual tanah-tanah mereka, adalah dikira dalam masa untuk sebutan sahaja ya, RM10,000 satu ekar, ini di luar bandar di Sarawak tetapi jirannya menjual RM20,000 pula dan penilaian itu adalah telah pun ditetapkan oleh pihak-pihak tertentu yang dianggap mempunyai kewibawaan dalam menilaikan tanah ataupun memberi taksiran mengenai nilai tanah itu. Dalam hal yang begitu kenapakah perkara begitu berlaku?

Perkara yang begitu sebenarnya, mungkin dalam pandangan saya adalah oleh kerana mungkin tidak ada panduan yang begitu jelas, begitu lengkap untuk digunakan oleh mereka yang bertanggungjawab membuat penilaian. Jadi, di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memikirkan untuk membuat satu panduan penilaian untuk mentaksir nilai-nilai tanah walaupun tanah itu mungkin di luar dalam konteks, ini saya selalu bercakap bahasa Sarawak, dalam konteks di Sarawak di mana tanah itu adalah tidak mid-zone, dengan izin, di mana nilainya adalah terpulung kepada siapa yang menjual dan siapa yang akan membeli.

Dalam konteks kita sekarang ini di mana negara kita sedang membangun dengan berkembang dari segi ekonominya dengan begitu cepat, maka tanah-tanah yang di luar dari mid-zone tadi akan kemudian nanti mungkin juga terlingkung dalam mid-zone tadi. Jadi, bagaimanakah caranya kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkuasa untuk memberikan penilaian mengenai tanah yang seperti itu.

Jadi, oleh itu saya ingin cadangkan supaya kerajaan walaupun belum lagi, kalau adapun, sudah mempunyai panduan untuk penilaian, mungkin memikirkan juga bagaimana merangkumi panduan itu untuk merangkumi tempat-tempat yang tertentu luar daripada kawasan yang dikatakan mid-zone.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit, oleh kerana tidak sempat membaca akta ibu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah mereka yang dilantik sebagai penilai dan pentaksir itu dan seterusnya ejen daripada pihak swasta adakah mereka ini diberi kelayakan tertentu ataupun kelayakan minimum ataupun pengalaman yang seharusnya ada pada

mereka supaya apa yang mereka lakukan dalam mentaksir dan menilai adalah tepat dan tidak salah. Adakah mereka ini diberi hak untuk mempunyai kelayakan tertentu ataupun dari segi business sahaja mereka mendaftar diri supaya menjadi penilai ataupun di sebaliknya?

Saya sebut perkara ini oleh kerana terdapat juga kes tertentu di kawasan Kuching di mana satu bidang tanah yang ada orang minatnya dan satu kumpulan menyatakannya satu kaki persegi ditempat itu adalah dalam lingkungan RM300 dan ada kumpulan lagi menyatakan RM20, ini sangat ketara jauhnya.

Jadi, itulah sebabnya saya cadangkan tadi bagaimana, adakah kerajaan memberi panduan yang begitu lengkap dan begitu jelas supaya tidak ada penilaian yang begitu ketara jauhnya? Atau di sebaliknya, adakah orang-orang yang melakukan itu mempunyai tanggungjawab masyarakat? Bagaimana caranya kerajaan menentukan bahawa penilaian itu adalah seharusnya tidak jauh daripada yang tepat?

Yang ketiga, saya ingin mengemukakan kepada pihak kementerian mengenai nilai tanah. Saya tahu di Kuala Lumpur memang nilai tanah adalah berdasarkan permintaan atau demand, dengan izin, dan nilai tanah di tempat-tempat yang jauh dari tempat-tempat bandar besar adalah juga berdasarkan demand di mana tidak ada permintaan, memang kurangnya nilainya.

Saya ingin mencadangkan supaya pembangunan negara kita ini janganlah berpusat sahaja ke tempat-tempat besar seperti Kuala Lumpur supaya nilai itu janganlah berpandukan sangat kepada demand dan supply. Kita tahu penawaran itu adalah di dalam suatu tempat. Seperti di Kuala Lumpur ini memanglah terhad sangat. Oleh yang demikian, maka oleh kerana banyak demand atau permintaan, maka harga tanah pun tinggi. Oleh kerana itu, maka

orang-orang yang mempunyai tanah di tempat seperti Kuala Lumpur memanglah cepat menjadi kaya.

Kita tidak dengki kepada mereka oleh kerana apa yang saya maksudkan supaya permintaan tanah itu hendaklah diedarkan ke tempat yang jauh supaya perkembangan negara kita ini janganlah berpusatkan kepada di mana population ataupun penduduknya banyak sahaja kerana kawasan-kawasan bukan sahaja di Kuala Lumpur ataupun di Semenanjung Malaysia, tetapi juga di Sabah dan Sarawak, maka di situ kalau kita benarkan penilaian berdasarkan permintaan sahaja, maka tempat-tempat yang jauh itu tidak akan menikmati pembangunan negara kita ini sehinggalah beberapa puluh tahun kemudian.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba.
6.33 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta untuk membahas, seterusnya menyokong Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah pun mendengar Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal menimbulkan soal peranan ahli-ahli penilai ataupun valuers. Kadangkala timbul penyelewengan ataupun timbul perkara-perkara yang tidak diingini di dalam soal-soal penilaian ini. Saya mengambil contoh

katalah dari segi penilaian satu-stu hartanah yang ingin dilelong oleh pihak bank. Biasanya pihak bank sendiri akan melantik penilai yang berkenaan. Pihak yang menggadaikan....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan untuk mendapatkan penjelasan sama ada persidangan kita ini disambung. Kalau disambung, sampai jam berapa?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Dewan telah meluluskan supaya Dewan ini disambung sehingga jam 7.30 malam.

Datuk Rahim bin Baba: Bukan minta penjelasan dari saya, bukan? Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menimbulkan soal penilaian oleh pihak bank di mana pihak bank sendiri yang menentukan, katalah satu hartanah yang hendak dilelong, pihak bank sendiri yang menentukan siapa penilai yang akan membuat penilaian.

Katalah pinjaman yang tertanggung yang ditanggung oleh seorang peminjam dengan bank, katakanlah RM100,000, kepada bank apa yang mustahak ialah dia dapat recover balik yang RM100,000. Itu yang pertamanya. Kemungkinan hartanah itu berharga RM200,000 ataupun lebih, tetapi kepada bank, yang paling mustahak dia mendapat balik RM100,000.

Jadi, pada pelanggan, kemungkinan setengah-setengah pelanggan akan terpedaya dalam keadaan yang sedemikian kemungkinannya kerana pihak penilai ini dilantik oleh pihak bank sendiri, jadi hak-hak pengguna ataupun hak-hak pelanggan tidak terpelihara di dalam keadaan ini dan tidak ada penalti tertentu yang dikenakan oleh pihak kementerian di bawah akta ini kepada penilai-penilai yang membuat penilaian yang terlalu rendah kepada sesuatu hartanah ataupun kadangkalanya terdapat incident di mana penilaian yang dibuat terlalu tinggi dengan tujuan untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman dari pihak bank.

Umpamanya, katakanlah seorang itu mempunyai hartanah yang pada nilaiannya hanya dalam RM10 juta, tetapi kerana hendakkan pinjaman sampai ke RM20 juta, kemungkinannya dengan kerjasama pihak-pihak yang tertentu, baik pihak bank, pihak penilai ataupun pihak yang ingin membuatkan pinjaman, kemungkinannya harta itu dinilai lebih daripada RM20 juta untuk membolehkan pinjaman untuk mendapatkan RM10 juta sepertimana yang telah pun saya katakan tadi.

Apabila berlaku keadaan di mana harta itu terpaksa dilelong pula, harganya adalah terlalu kurang dan tidak dapat membayar balik pinjaman bank tadi. Kemungkinannya kita boleh mengatakan yang akan menanggungnya ialah yang menerima pinjaman tadi, tetapi pada hakikatnya pada akhirnya kerajaan juga terpaksa menanggungnya juga. Rakyat juga terpaksa menanggungnya kerana harta-harta ini digunakan sebagai kewangan dari orang ramai yang kadangkalanya setengah-setengah institusi kewangan itu dimiliki oleh pihak

kerajaan dan kadangkalanya pun kerajaan mesti ada rescue plan di mana yang pernah berlaku semasa krisis operasi yang pernah kita hadapi dalam tahun-tahun 1940-an dahulu.

Jadi, apa yang ingin saya timbulkan adalah apakah bentuk penalti yang akan dikenakan kepada penilai-penilai yang membuat salah penilaian ini yang telah pun menyeleweng ataupun membuat penilaian dengan tujuan-tujuan tertentu. Saya telah pun membaca akta ini dan kalau ada pun penalti yang dikenakan adalah terlalu rendah sepertimana yang telah pun dikatakan tadi, naik daripada RM5000 kepada RM10,000 kalau membuat kesilapan dari segi penilaian-penilaian yang kadangkalanya disengajakan ataupun kadangkalanya diketahui sendiri oleh pihak yang menilaikan. Adakah mereka ini akan ditarik dan digantung lesen mereka ataupun akan diambil tindakan yang tertentu?

Begitu juga dalam keadaan ekonomi yang berkembang sekarang ini yang banyak menghala kepada dunia korporat. Kadangkala banyak penilaian yang dibuat melalui “share swap” dan kadangkala kita lihat satu hartanah itu dinilai dengan harga yang sebegitu tinggi sekali dan sesuatu saham itu oleh kerana ada “share swap” untuk mendapatkan share yang lebih, syarikat itu dinilai dengan harga yang rendah supaya seorang yang swapkan property ataupun hartanah ke dalam syarikat yang berkenaan akan mendapat saham yang lebih dan harta yang hendak diswap akan dikira dengan harga yang tinggi dan saham yang hendak didapati akan dinilai dengan harga yang rendah.

Jadi, siapa yang akan menentukan penilaian seperti ini? Adakah Security Commission ataupun Suruhanjaya Sekuriti yang membuat penilaian sendiri mengenai keadaan-keadaan ini juga tertakluk kepada Akta Penilai, Pentaksir dan ejen hartanah ini?

Kemungkinannya dahulu keadaan ini tidak berlaku pada masa-masa yang dahulu tetapi sekarang dengan dunia korporat ini tentunya peranan penilai-penilai ini kena dilihat semula. Kita tidak mahu berlakunya keadaan-keadaan di mana kadangkala terdapat keadaan penilaian-penilaian yang tidak munasabah dibuat oleh pihak-pihak tertentu.

Baru-baru ini kita lihat, terbaca dalam akhbar bahawa sebuah syarikat kerana bahan ini telah keluar di surat khabar, Syarikat Kumpulan MAS umpamanya, telah pun membuatkan penilaian mendapatkan satu kawasan balak di Pulau Soloman (Soloman Islands) dengan keuntungan lebih daripada RM400 ataupun RM500 juta.

Tetapi apabila tidak sampai setahun pun perkara itu beroperasi penilaian diturunkan dan syarikat berkenaan seolah-olah rugi dari segi penilaian hingga ke RM300 juta. Jadi, perkara-perkara begini, penilaian-penilaian sebegini pun berlaku. Saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan supaya memikirkan supaya tugas penilai ini penalti-penalti yang akan dikenakan kepada pihak-pihak yang membuat penilaian-penilaian ini biarlah setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang peranan ejen hartanah yang mana kita lihat kadangkala kita terbaca di akhbar-akhbar terdapat ejen-ejen hartanah yang berpangkalan di luar negara kita menjual hartanah-

hartanah di luar negara maknanya di Australia, London, Amerika, Kanada dan juga sebagainya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya berharap satu pindaan, satu cara boleh difikirkan supaya mereka yang hendak mengiklankan hartanah-hartanah di luar negara ini mestilah juga dilesenkan ataupun sekurang-kurangnya menggunakan ejen-ejen hartanah tempatan. Walaupun mungkin ejen-ejen hartanah tempatan mempunyai kepakaran-kepakaran tetapi sekurang-kurangnya ejen-ejen hartanah tempatan boleh belajar dari ejen-ejen hartanah yang bertaraf antarabangsa ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Ada yang hendak bercakap lagi. Belakang tu. *[Ketawa]* Yang Berhormat, sila, Puan Kamilia.

6.43 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh dua perkara sahaja kerana saya melihatkan bahawa pindaan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981 ini adalah merupakan satu pindaan yang substantif kerana 30 perkara yang telah dipinda dan ini menunjukkan kepekaan pihak kementerian tentang perkembangan penilai,

pentaksir dan ejen hartanah dan juga kita melihat kepada perkembangan pembangunan negara yang memang melibatkan hartanah dan perlunya kawalan yang lebih terperinci dan perlunya kerajaan mengambil bahagian atau intervene, dengan izin, dalam perkara-perkara melibatkan tentang hartanah.

Kita juga tahu bahawa banyak berlakunya penipuan-penipuan terutama tentang hartanah dan istilah kerajaan memberi kawalan yang lebih ketat. Jadi, apa yang telah saya lihat dalam pindaan yang telah dikemukakan ialah pertamanya tentang syarat-syarat yang hendak diluluskan bagi pengamal, pentaksir, penilai dan ejen hartanah.

Jadi, pada pindaan-pindaan yang telah dibuat dalam Fasal 12, 14, 15, 16, 17 dan 18, kita dapati ini merupakan syarat-syarat baru yang telah dikemukakan untuk memperketatkan syarat-syarat yang membolehkan seseorang pengamal, penilai, pentaksir dan ejen hartanah untuk dapat mengamal dalam kerja-kerja penilaian, pentaksir dan juga sebagai ejen hartanah. Kita dapati bahawa syarat-syarat yang telah dikenakan adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah pindaan yang dialu-alukan kerana sepatutnyalah syarat-syarat ini dikenakan kepada mereka kerana memandangkan implikasi daripada sesuatu amalan yang mungkin menimbulkan kecuaiian dan implikasi kecuaiian itu pula akan membawa kepada implikasi ekonomi negara. Oleh itu ianya perlulah dapat diberikan kawalan yang seketat-

ketatnya supaya ianya dapat dilaksanakan oleh mereka yang diberikan lesen ataupun diberikan kebenaran oleh pihak lembaga untuk mengamal kerja-kerja yang melibatkan penilaian, pentaksiran hartanah.

Saya juga dapat mengamati bahawa kuasa lembaga juga diperluaskan di dalam pindaan yang dikemukakan dan antara lainnya di bawah Fasal 33 kekebalan juga diberi kepada lembaga atau mana-mana ahli lembaga untuk melakukan perkara-perkara dan juga kaedah-kaedah yang dibuat untuk menghalang perbuatan-perbuatan yang mempunyai niat jahat.

Saya ingin mencadangkan bahawa pihak lembaga perlulah mengatur dan menggubal etika penilai, pentaksir dan ejen hartanah dan peraturan-peraturan yang membolehkan pihak kementerian dapat mengawalselia dan seterusnya dapat dalam erti kata sebenarnya menguatkuasakan undang-undang yang ada dan juga peraturan-peraturan yang dikenakan.

Kerana kita tidak mahu perkara-perkara salah guna kuasa yang dilakukan oleh pengamal-pengamal penilai, pentaksir dan ejen hartanah terus berleluasa kerana kita dapati terlalu banyaknya transaksi-transaksi mengenai hartanah ini mungkin pihak kementerian atau badan kawalan tidak dapat mengawal atau mengawalselia transaksi-transaksi yang berlaku. Kita juga tahu banyaknya sepertimana yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi, bahawa ada penilaian yang tidak munasabah, yang telah banyak berlaku sehingga

menyebabkan inflasinya satu dan juga timbulnya penipuan yang berlaku di negara.

Kita juga ingin menyarankan bahawa dalam pihak penilaian membuat penilaian dan taksiran tentang hartanah perlulah kaedah yang digunakan merupakan kaedah yang boleh diterima pakai dalam keadaan ekonomi sekarang. Kita tahu bahawa pihak penilai dalam memberi taksiran hartanah mempunyai berbagai-bagai kaedah.

Adalah lagi dicadangkan bahawa satu kaedah yang spesifik yang digunakan atau dikenakan kepada semua penilai, pentaksir dan ejen hartanah yang diberi lesen untuk mengamal agar penilaian yang dibuat itu adalah merupakan penilaian yang sebenarnya dan boleh diterima oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan dalam memberi kelulusan untuk mereka yang mahu mengamal sebagai penilai, pentaksir dan ejen hartanah perlulah juga diselidik dari segi kelulusan akademiknya atau kelulusan profesionalismenya sebagai penilai, pentaksir dan ejen hartanah agar mereka ini benar-benar mempunyai kelulusan daripada universiti ataupun institusi yang diiktraf oleh pihak kerajaan. Ini adalah satu bidang yang kita dapati ramai yang boleh mengaku sebagai penilai atau pentaksir atau ejen hartanah tanpa sebenarnya mempunyai kelulusan dan pengalaman dan juga latihan dalam perkara yang berkaitan dengan penilai, pentaksir dan ejen hartanah.

Sepertimana kita faham ini adalah satu bidang yang memang telah lama dimonopoli oleh satu kumpulan yang bertahun-tahun merupakan kumpulan yang sebenarnya hanya membuat kerja-kerja penilai, pentaksir dan ejen hartanah. Itulah kita dapati walaupun akta ini akta 1981 tetapi dalam tempoh masa 15 tahun, kita dapati akta ini perlu dipinda dengan begitu substantif sekali.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan yang telah dikemukakan dan harapan kita bahawa pihak kementerian akan dapat menguatkuasakan peraturan-peraturan dan juga pindaan-pindaan yang telah dijadikan undang-undang ini dalam erti kata yang sebenarnya. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid.

6.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang dalam membahaskan satu akta meminda Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit untuk menokok tambah kepada rakan-rakan saya tadi. Memang benar, selalu terdapat perbezaan yang sangat jauh nilai tanah yang dibuat oleh penilai. Dari segi

pengalaman saya sebagai seorang pegawai yang bertugas selama lebih kurang 25 tahun, jadi, faham sangat saya tentang penilaian ini.

Pertama sekali, perbezaan kedudukan tanah ataupun jenis tanah. Kadangkala kalau disebut tanah lease ataupun kalau di kampung kata geran besar, nilainya bukan sekali ganda, kadang-kadang sampai sepuluh kali ganda nilai harga lebih dengan tanah geran MCL atau geran kecil. Ini jadi mangsa kepada penduduk di kampung khasnya bumiputera yang banyak berlaku. Ini yang berlaku di Melaka dahulu, yang menangis, yang teruk sangat, yang berpindah, yang menyayat hati. Sebab soalnya mula penilaian, pembeli tidak tahu apa dia cuma ikut, kadang-kadang dia hendak untung, dia memang hendak nilai. Kedudukan tanah itu satu mukim, saya contohkan kalau kita kata di Melaka, di Mukim Teluk Mas perlu. Tanah ada di situ, tetapi ada satu tanah geran besar yang saya sebutkan tadi, kalau orang kampung kata geran besar, grant lease. Satu tanah lagi, jenis MCL dahulu kata geran kecil EMR. Tetapi penilaian yang dibuat kepada tanah kampung tadi jauh beza sangat. Ini yang berlaku. Jadi, saya berharap kepada kementerian yang berkenaan supaya meneliti sungguh sekalipun kita ada panel dia kepada penilai ini, kepada ejen ini bila mana kita hendak memberikan kebenaran atau lesen kepada mereka supaya tidak teraniaya.

Contohnya baru ini berlaku, belum lama lagi, penilaian menaksirkan satu tanah itu cuma RM2.50 sekaki persegi, berdekatan dengan kampung saya

hendak buat perumahan. Saya salah seorang menyuarakan tak puas hati kerana penilaian itu RM2.50 sekaki persegi. Pada hal bila kita kemukakan, saya bertanya kepada agensi atau company yang hendak membeli itu, dia sanggup bayar RM3 satu kaki persegi. Kalau kita minta RM3.50 pun dia sanggup bayar, tetapi telah diputuskan RM3 maknanya perbezaan 0.50 sen bukan sedikit, 0.50 sen nilainya jauh, berbeza sangat, sedangkan orang yang hendak membeli hendak membuat perumahan sanggup membayar RM3, dia buat nilai murah. Inilah yang kita mesti teliti sesungguhnya supaya tidak merugikan dan nampak sangat menganiayakan kepada pihak tuan punya tanah.

Saya tak mahu cerita lebih lagilah, kadang-kadang saya pun sebagai seorang rakyat dan saya sungguh tahu benda ini, contoh yang berlaku di Teluk Mas itu. Bayar 0.95 sen tetapi company yang membeli sanggup membayar RM7.50, kawan sendiri beli untuk membuat industri kecil itu. 0.95 sen, jual dengan company RM7.50, cubalah tuan-tuan fikir, saya ada bukti. Itu yang menangis, yang sanggup baca Yasin di kampung-kampung.

Jadi, maksud saya bawakan cerita ini supaya bila mana kita hendak memberikan lesen kepada penilaian hendaklah meneliti sesungguhnya supaya rakyat tidak teraniaya. Dan saya sesuailah dan setuju atas pindaan ini, tetapi ada satu perkara yang menarik hati saya tadi, bahawa denda yang kita hendak kenakan adakah RM5 ataupun RM10, pandangan daripada RM5,000 ataupun RM10,000, itu pun kurang sesuai dengan keadaan dengan masa, sepatutnya

bukan sebanyak itu, tetapi ada pandangan rakan-rakan tadi mengatakan kita gunapakai dahululah, selepas itu kita pinda sahaja. Sudah sampai masanya, masa sekarang ini masa yang canggih, masa yang kita tidak dapat menyangka tanah yang boleh dinilai begitu tinggi.

Tetapi yang menjadi mangsa, seperti yang saya katakan tadi, tanah satu mukim oleh kerana beza kedudukan tanah, sama tempat, jenis tanah itu geran besar, geran kecil, ha, inilah. Jadi, bagaimana kita patut mengatasi supaya harga tanah itu sama nilaiannya, sedangkan firma ataupun company yang hendak membuat rumah tanah itu juga, mengapa beza begitu jauh antara geran MCL dengan geran besar?

Jadi, dengan kata-kata sedemikian, saya menyokong atas Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

6.57 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kerajaan mengemukakan Usul tadi, pihak kerajaan telah menyebutkan beberapa kelemahan yang terdapat di dalam

pindaan akta ini yang melibatkan hampir 33 Fasal iaitu 27 Fasal sebab ia bermula dengan Fasal 3.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa pindaan akta ini memberi kesan yang sangat mendalam terhadap ekonomi negara yang melibatkan rakyat jelata. Sebelum ini, seperti yang kita dengar dari Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah banyak berlaku penipuan, penyelewengan dalam masalah menilai harta benda ini di mana rakyat juga yang menjadi mangsa dan sehingga sekarang pun kita masih mendengar banyak rungutan yang terlibat dengan pengambilan tanah dan pembayaran pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, ada kes-kes di mana pihak tuan tanah iaitu rakyat biasa menjadi mangsa dan pihak pengguna, pembeli harta itu juga menjadi mangsa dan akhirnya ia tidak memberi satu manfaat kepada ekonomi negara ini. Saya boleh membawa satu kes di mana berlaku pihak pemaju yang diwakili oleh agensi kerajaan sendiri membeli tanah daripada tuan tanah orang biasa, dengan nilai yang rendah, selepas itu apabila menjadi hak milik agensi itu menilai semula dengan harga yang tinggi dan manfaatnya mungkin dapat kepada beberapa orang pegawai dalam itu, lepas itu apabila memajukan buat rumah, rumah yang dibeli oleh orang itu pula kena bayar dengan harga yang cukup tinggi.

Apabila timbul masalah tidak dapat membayar balik kepada bank, tuan-tuan yang membeli rumah itu sukar hendak mencari pembeli untuk hendak

mendapatkan balik hendak menjual rumah itu. Inilah suatu penipuan yang berlaku sehingga sekarang ini. Oleh sebab itu, apa yang saya agak kerajaan patut pentingkan ialah dari segi penguatkuasaan. Semacam yang saya sebutkan dahulu, tidak ada makna kita pinda undang-udnang walaupun 100 Fasal tetapi dari segi kemampuan penguatkuasaan itu tidak dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya ingin mengingatkan kerajaan supaya dalam melaksanakan penguatkuasaan pindaan-pindaan ini pihak kerajaan perlu memberi penelitian terhadap keberkesanan melaksanakannya.